


Jilid I
Bil. 41



Hari Isnin
7hb Julai, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 4561]

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 4561]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 4562]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 4563]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 4563]

Ucapan Takziah kepada Toh Puan Zainab binti Mohd. Rashid dan Keluarga [Ruangan 4564]

Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Y.B. Tuan Walter Loh Poh Khan [Ruangan 4565]

Cuti Y.B. Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah—Kebenaran [Ruangan 4565]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4565]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 [Ruangan 4619]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4621]

USUL-USUL:

Merakamkan Perasaan Dukacita atas Kematian Allahyarham Y.B. Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf dan Ucapan Takziah kepada Toh Puan Zainab dan Keluarganya [Ruangan 4623]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960—

Pindaan kepada Jadual Akta [Ruangan 4627]

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi [Ruangan 4638]

Pertambahan Ekuiti dalam Bank Bumiputra [Ruangan 4645]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1975 [Ruangan 4647]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1975 [Ruangan 4648]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1975 [Ruangan 4649]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1975 [Ruangan 4650]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1975 [Ruangan 4650]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (No. 4), 1975 [Ruangan 4651]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1975 [Ruangan 4652]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (No. 5), 1975 [Ruangan 4653]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1975 [Ruangan 4654]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1975 [Ruangan 4654]

Kerajaan Grunk Kemboja/Kerajaan Revolusioner Vietnam Selatan—Dasar Luar Malaysia [Ruangan 4655]

UCAPAN TANGGUHAN:

Sekolah Menengah China Persendirian sebagai Sekolah Kebangsaan [Ruangan 4665]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT
Penyata Rasmi Parlimen
PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 7hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasang
Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S.
(Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N.,
P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

” Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Sri Paduka Raja
(Nilam Puri).

” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,
P.D.K., J.P. (Kinabalu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K.
(Ulu Langat).

” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI
J.M.K., A.D.K. (Kuala Langat).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J.,
S.M.J. (Pontian).

” Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K.
Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).

” Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN
YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNNIN (Jasin).

- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJjah FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI Ho, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat TUAN LOH FOKK YEN (Kluang).

- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.N. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

YANG HADIR BERSAMA :

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Y.B. Puan Chow Poh Kheng.

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya saya maklumkan iaitu saya telah menerima satu Perutusan daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Malaysia pada 19hb Jun, 1975 yang mengumumkan iaitu Majlis-Raja-raja dalam Mesyuaratnya Yang Ke 101 diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada hari Khamis 19hb Jun, 1975 (Hari Yang Ketiga) telah bersetuju mengisyiharkan bahawa:

- (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, D.K., D.M.N., S.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.S.K. telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama lima (5) tahun mulai daripada 21hb September, 1975;
- (2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, D.K., D.M.N., S.I.M.P., telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama lima (5) tahun mulai daripada 21hb September, 1975.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah edarkan salinan Perutusan yang termaklum itu kepada tiap-tiap seorang Ahli-ahli Yang Berhormat dengan surat pada 21hb Jun, 1975 dan saya harap tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat telah menerima dengan selamatnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukalah hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut :

1. Akta Cukai Perhidmatan (Pindaan), 1975;
2. Akta Insuran (Pindaan), 1975;
3. Akta Hakcipta (Pindaan), 1975;
4. Akta Penyelarasian Perindustrian, 1975;
5. Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan), 1975;
6. Akta Perhubungan Perindustrian (Pindaan), 1975;
7. Akta Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan), 1975;
8. Akta Mahkamah Budak-budak (Pindaan), 1975;
9. Akta Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan), 1975;
10. Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (Pindaan), 1975;
11. Akta Perubatan (Pindaan), 1975;
12. Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan), 1975;
13. Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan), 1975;
14. Akta Ahli Kimia, 1975;
15. Akta Kemajuan Petroliam (Pindaan), 1975;
16. Akta Badan Berkanun Getah, 1975;
17. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan), 1975;
18. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1975;
19. Akta Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan), 1975;
20. Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan), 1975;
21. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1975;
22. Akta Undang-undang Sivil (Pindaan), 1975 dan
23. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1975.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli baharu yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Insuran (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Penyelarasaran Perindustrian;
5. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Mahkamah Budak-budak (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan);
10. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan);

12. Rang Undang-undang Pegawai-pejawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Ahli Kimia;
15. Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah;
17. Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
22. Rang Undang-undang Sivil (Pindaan); dan
23. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan).

Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Negara.”

UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN ZAINAB BINTI MOHD. RASHID DAN KELUARGA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih dan simpati saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang pemimpin yang bijaksana yang bukan sahaja mempunyai pengalaman yang luas mengenai perjalanan sidang Parlimen, tetapi juga mempunyai sifat-sifat pemimpin yang tinggi iaitu Allahyarham Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman, bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada hari Khamis, 26hb Jun, 1975, dan bagi pihak Parlimen saya telah menyampaikan kawat takziah kepada balu beliau Toh Puan Zainab binti Mohd. Rashid dan keluarga. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah subhanahu wa taala mudah-mudahan dicucuri rahmat ke atas rohnya. Dan sebagai mengenangkan jasa-jasa Allah yarham yang tidak ternilai itu, marilah kita bersama bangun bertaffakur sebentar selama seminit.

(Majlis bertaffakur selama satu minit)

Tuan Yang di-Pertua: Satu usul akan dibawa berkenaan dengan perkara ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas tempoh soal-jawab kelak.

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG Y.B. TUAN WALTER LOH POH KHAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan perasaan yang sedih memaklumkan iaitu kita juga telah kehilangan seorang Ahli dengan kematian Y.B. Tuan Walter Loh Poh Khan pada hari Rabu, 23hb April, 1975 yang lalu. Saya bagi pihak Parlimen telah juga menghantar kawat takziah kepada keluarga Mendiang itu. Marilah kita berdoa semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas rohnya dan sebagai mengenangkan jasa-jasa Mendiang itu, marilah kita bersama bangun bertaffakur sebentar selama seminit.

(Majlis bertaffakur selama satu minit)

CUTI Y.B. TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah *alias* Haji Yusof Rawa selama satu tahun mulai dari pada 1hb Mei, 1975.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ASEAN TERHADAP INDO-CHINA— DASAR

1. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menjelaskan dasar ASEAN tentang Indo-China memandangkan keadaan sekarang.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah badan non-politik, ASEAN tidak merumuskan sebarang dasar politik terhadap negara-negara di Indo-China kerana hal itu ialah hak mutlak negara-negara anggota masing-masing. Bagaimanapun kita boleh

berkata bahawa negara-negara ASEAN mempunyai sikap terhadap perkembangan di Indo-China seperti yang telah diutarakan di dalam beberapa forum ASEAN, khususnya dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur baru-baru ini. Sebagai hasil daripada perundingan-perundingan tidak rasmi antara Menteri-menteri Luar itu bersangkutan dengan perkara ini, negara-negara ASEAN bersama-sama telah mengalu-alukan tamatnya perang di Cambodia dan Vietnam Selatan yang telah membuka peluang untuk mengadakan kerjasama serantau dan ketenteraman yang lebih luas di Asia Tenggara. Negara-negara ASEAN telah juga menyatakan keinginan untuk menjalin hubungan persahabatan yang saling menguntungkan dan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan baru di Indo-China untuk menegakkan keamanan dan ketenteraman itu sesuai dengan prinsip-prinsip tidak campur tangan dan saling menghormati kedaulatan negara masing-masing. Mereka juga menyatakan simpati terhadap penderitaan rakyat Indo-China akibat dari adanya perperangan berpuluhan tahun itu dan telah menyatakan kesediaan mereka untuk membantu dalam usaha membangunkan semula ekonomi negara-negara itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan mengapa ASEAN sebagai satu badan tidak mengambil keputusan atau sikap yang rasmi terhadap Indo-China, dan adalah Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab keadaan di Indo-China telah boleh dikatakan diselesaikan selepas 30 tahun perperangan di sana, maka perlu dan mustahak ASEAN mengambil sikap yang rasmi terhadap Indo-China.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah katakan ASEAN ini adalah satu badan non-politik yang mana dasar bersabit dengan politik tidaklah kita menyuarakan di dalam ASEAN oleh sebab tiap-tiap satu perkara politik itu yang mana saya telah terangkan adalah hak tiap-tiap satu negara, dan tak boleh kita mengadakan. Jadi bermakna Ahli Yang Berhormat sedia maklum dasar ASEAN adalah satu badan yang boleh dikatakan kerjasama ekonomi, culture dan sebagainya, bukanlah satu badan politik. Maka tidaklah perlu dari segi politik mengadakan dasar bagi pihak negara-negara ASEAN ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan keadaan sekarang di Indo-China di mana Kerajaan kominis baru ditubuhkan di negara-negara di rantau Indo-China, adakah ASEAN bertujuan memperbesarkan ASEAN untuk menjemput, mengundang negara-negara di Indo-China menjadi ahli-ahli ASEAN daripada 5 buah negara kepada 10 negara dan memastikan bahawa ASEAN sebenar-benarnya South-east Asian dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan mengenai dasar ASEAN ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, ASEAN adalah seperti yang telah saya maklumkan tadi pintu ASEAN terbuka kepada negara-negara yang mana disifatkan jatuh dalam Asia Tenggara. Jadi ini terpulanglah kepada negara-negara berkenaan memohon menjadi ahli keanggotaan itu, dan terpulanglah pula kepada keahlian sekarang yang ada menimbulkan permohonan itu. Ini terpulanglah kepada mereka.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan baru-baru ini Menteri Luar Negeri negara-negara ASEAN telah berunding di Kuala Lumpur, dan bolehkah beliau menjelaskan bahawa adakah negeri-negeri ASEAN semuanya ada perhubungan diplomatik dengan negeri-negeri di Indo-China.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana barangkali Yang Berhormat sedia maklum kita telahpun menghulurkan tangan untuk persahabatan atau persaudaraan dengan mereka. Kita berharap dan menunggu perhubungan diplomatik yang rasmi akan diadakan. Saya suka menyatakan iaitu kita akan menguruskan supaya mengadakan perhubungan diplomatik dengan mereka pada masa-masa akan datang. Buat masa sekarang ini kita menunggu sahaja di atas tawaran persahabatan yang kita telahpun menghulurkan tangan kepada mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana di Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN yang baru diadakan di Kuala Lumpur semua pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua perwakilan, termasuk Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri yang merasmikan Persidangan itu, ada dengan rasminya menegaskan betapa penting semua negara ASEAN dan ASEAN mensesuaikan keadaan kepada perkembangan di Indo-China, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apa langkah konstruktif yang telah diambil atau boleh diambil untuk ASEAN selepas perundingan di Persidangan-persidangan Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN itu untuk memupuk muhibbah dan persefahaman dengan negara-negara di Indo-China.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Seperti mana saya telah jawab, kita menunggu sahaja response di atas tawaran kita dari segi persaudaraan dan prinsip semangat muhibbah yang kita telah hulurkan kepada mereka. Bagi pihak ASEAN saya tidak dapat memberikan dengan tegasnya apakah kedudukan di atas tiap-tiap satu negara selain daripada Malaysia. Tetapi kita telah menyatakan di dalam perbincangan kita yang mana keputusan telahpun diambil iaitu kita menghulurkan tangan persahabatan dan saya suka menyatakan lagi di sini iaitu kita akan menunggu, dan saya rasa ada kemungkinan cerah di atas kedudukan ini iaitu response akan diberikan oleh mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa satu response negara-negara ASEAN telah diambil terhadap perkembangan di Indo-China yang telahpun ada disebut oleh Yang Berhormat Tun Adam Malik, Menteri Luar Negeri Indonesia, dalam majallah-majallah antarabangsa ialah bahawa negara-negara ASEAN telah lebih menitikberatkan hal-hal pertahanan bahawa satu response militari. Dan soalan saya ialah adakah benar bahawa soalan itu dibincangkan dan dipersetujui oleh perwakilan-perwakilan yang menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN baru-baru ini di Kuala Lumpur, baik perundingan itu diadakan dengan rasmi atau tidak rasmi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak bersangkut dengan soalan ini. Apa yang dibuat oleh negara lain itu bukannya hal kita.

BANK MAKANAN ASIA

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengambil inisiatif untuk menujuhan

Bank Makanan Asia sebagaimana yang dicadangkan oleh beliau dalam satu majlis yang dianjurkan oleh Pusat Asia bagi pembangunan pentadbiran (ACDA) baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ESCAP iaitu "The Economic and Social Commission for Asia and the Pacific" sedang mengkaji kemungkinan menuju sebuah Bank Makanan Asia. ESCAP juga sedang mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai cadangan tersebut dengan Kerajaan-kerajaan di rantau sebelah sini. Bank Makanan Asia patutlah menjadi sebagai satu projek serantau dan tidaklah dapat dikelolakan oleh sebuah negara sahaja.

JAWATANKUASA PERANCANG PEMBANGUNAN NEGARA

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi butir-butir lanjut dan laporan pada peringkat kemajuan dalam formulasi Rancangan Malaysia Ketiga, dan, samada, terdapat penyertaan yang luas dari kalangan awam dalam formulasi Rancangan ini seperti kesatuan-kesatuan sekerja, syarikat-syarikat bekerjasama, universiti-universiti dan lain-lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, usaha menyiapkan Rancangan Malaysia Ketiga sedang berjalan seperti yang telah dijadualkan. Rancangan itu akan dibentangkan pada satu mesyuarat khas Parlimen awal tahun depan bagi perbahasan yang penuh dan untuk penerimaan Parlimen. Dalam persiapan ini ada juga penyertaan dari pihak swasta dan universiti-universiti. Kita berharap iaitu dengan adanya usaha-usaha dari pihak swasta untuk menubuhkan satu Badan Perunding untuk membincang dengan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN), ini akan melebihkan lagi pertukaran fikiran di antara Kerajaan dan pihak swasta.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa satu kelemahan (shortcoming) dalam rumusan atau kerja menyiapkan Rancangan Malaysia Lima Tahun ialah bahawa dalam peringkat formulasi atau rumusan rancangan ini, Kerajaan tidak melibatkan semua lapisan institusi atau organ-organ yang boleh memberi sumbangan seperti kesatuan-kesatuan sekerja, pakar-pakar ekonomi dan universiti-universiti. Dan

bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan bahawa dalam peringkat ini di mana Rancangan Malaysia Ketiga dalam tempoh yang disebutkan semua lapisan akan dapat peluang memberi pandangan melalui akhbar, radio, talivisyen, mengadakan satu perbahasan mengenai tujuan atau masaalah-masaalah sosio-ekonomi di negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi pihak Kerajaan sedia menjalankan perundingan dengan pihak-pihak yang difikirkan boleh memberi pandangan dan kerjasama yang berfaedah termasuk pakar-pakar dan juga ahli-ahli dari pihak universiti. Saya tidak fikir perlu perkara itu dibincangkan dalam radio dan talivisyen sebab hak membincangkan Rancangan Malaysia yang muktamad ialah hak Parlimen, maka kuasa yang memutuskan dan menerima dasar ataupun Rancangan Malaysia Ketiga ini hak Parlimen. Selepas rancangan diterima oleh Parlimen pihak-pihak yang lain yang hendak mengadakan perbincangan itu, terpunglah kepada mereka.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawapannya menyatakan Kerajaan akan berunding jika perlu dengan pakar-pakar universiti yang beliau sebutkan. Adakah Kerajaan akan berunding dengan kesatuan-kesatuan sekerja oleh sebab dia pun sangat penting.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pihak kesatuan-kesatuan sekerja ada menjalankan perundingan dari satu masa ke satunya dengan pihak Kerajaan berkenaan dengan dasar dan juga perlaksanaan dasar ekonomi Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Rancangan Malaysia Yang Ketiga akan melibatkan bukan sahaja Kerajaan Pusat, tetapi juga akan melibatkan Kerajaan Negeri, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dalam amalan yang dahulu baik pun sebelum diterima atau diluluskan oleh Parlimen atau selepasnya, Dewan Undangan Negeri tidak ada peluang untuk membahaskan keperluan-keperluan atau masaalah-masaalah setiap negeri yang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia keseluruhannya. Dan sungguhpun hak Parlimen adalah muktamat dalam perkara ini, tetapi

dalam formulasi Rancangan Malaysia Lima Tahun sangat mustahak bahawa semua lapisan termasuk Dewan Undangan Negeri terlibat. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberi nasihat atau arahan kepada semua Dewan Undangan Negeri untuk mengadakan perbincangan atas perkara ini untuk menentukan semua masaalah-masaalah boleh dapat pertimbangan sewajarnya oleh Parlimen.

Perdana Menteri: Rancangan Malaysia Ketiga adalah rancangan nasional dan tanggungjawab bagi menggubal rancangan ini ialah tanggungjawab Kerajaan Pusat, dan kita tidak perlu mengadakan perundingan perkara ini di dalam Dewan Undangan Negeri. Perundingan-perundingan hanyalah dijalankan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam masa kita menyediakan rancangan. Selepas rancangan itu disediakan, rancangan itu dikemukakan kepada Parlimen untuk dibincangkan.

Dr Tan Chee Khoon: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudah memadailah atas perkara ini.

PERSATUAN PARLIMEN ASEAN

4. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan apakah daya-usaha Kerajaan untuk menjayakan Persatuan Parlimen ASEAN dan apakah hasil yang akan diperolehi oleh Malaysia khasnya dan negara-negara ASEAN amnya daripada Persekutuan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengambil daya-usaha yang cergas terhadap pembentukan Persatuan Parlimen ASEAN. Sebuah perwakilan Parlimen yang terdiri daripada 7 orang ahli yang diketuai oleh Yang di-Pertua sendiri telah pergi ke Jakarta untuk menghadiri Persidangan Parlimen ASEAN yang pertama daripada 8hb hingga 11hb Januari 1975. Beliau mengetuai satu lagi perwakilan yang terdiri daripada 4 orang ahli untuk hadir di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja di Tugu, Bogor, Indonesia daripada 12hb hingga 15hb Mei, 1975. Mesyuarat ini membincangkan pengesuran mengenai rupa dan juga bentuk Persatuan Parlimen ASEAN pada masa depan dan menggubal satu statut yang akan menguasai Persatuan Parlimen ASEAN itu.

Penubuhan Persatuan Parlimen ASEAN tidak syak lagi akan memberi faedah kepada Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain untuk memajukan perhubungan peribadi antara Ahli-ahli Parlimen atau Badan-badan Perundungan negara-negara ASEAN. Di samping itu penubuhannya bertujuan untuk menyatukan tindakan bersama bagi memaju dan mencapai persefahaman dan kerjasama yang lebih erat di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Adalah diharapkan bahawa Persatuan ini berguna untuk menyelesaikan masaalah-masaalah bersama dan untuk memperbaiki dan memperkuuhkan pencapaian matlamat ASEAN sebagaimana yang terkandung dalam Perisytiharan Bangkok 1967.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Parlimen ASEAN kali yang kedua akan diadakan di Kuala Lumpur dari pada 20hb hingga 24hb Ogos, 1975.

PERJANJIAN JAMINAN PELABURAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan hasil-hasil spesifik yang dicapai di dalam bentuk ekonomi selepas lawatan beliau baru-baru ini ke negeri Peranchis dan Sweden.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di dalam lawatan saya baru-baru ini ke Peranchis dan Sweden saya telah mengadakan perbincangan mengenai kepentingan ekonomi dan bantuan Sweden terhadap projek nuklear kita dan kemungkinan Sweden mengadakan hubungan khas dengan ASEAN. Sweden lebih cenderung untuk menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Malaysia dan saya juga telah memberi ucapan kepada sekumpulan ahli-ahli bank, kewangan dan pengusaha-pengusaha yang terkemuka di Sweden tentang peluang-peluang pelaburan, keadaan dan potensi di Malaysia. Semasa di Peranchis pula saya telah mengadakan perbincangan mengenai hal-hal kepentingan bersama ekonomi dan telah sempat memberi ucapan kepada sekumpulan ahli-ahli bank dan ahli-ahli industri terkemuka Peranchis dengan tujuan menggalakkan lebih banyak lagi aliran bantuan kewangan dan pelaburan Peranchis ke Malaysia. Antara hasil yang diperolehi ialah:

(a) Menandatangani dua Perjanjian—iaitu Pengelakan Cukai Dua Kali dan juga perkara-perkara yang meliputi “Investment Guarantee”;

- (b) Tawaran "soft loan" dari Peranchis sebanyak 100-150 juta Francs untuk projek tertentu yang dipersetujui;
- (c) "Grant" secara terus sebanyak 1 juta Francs untuk kajian "feasibility study" terhadap Lapangan Terbang Kuantan;
- (d) Persetujuan Peranchis untuk mengkaji hal-hal berikut—
 - (i) Pengambilan bahagian Peranchis di dalam memodenkan Keretapi Tanah Melayu;
 - (ii) Berkemungkinan mengadakan perusahaan bersama dalam mengeluarkan dan mengekspot tayar-tayar MICHELIN dari Malaysia;
 - (iii) Bantuan dari Rancangan nuklear Malaysia;
 - (iv) Pengambilan bahagian Peranchis dalam industri-industri per-kayuan;
 - (v) Bantuan untuk perkembangan selanjutnya bagi Lapangan Terbang dan Pelabuhan di Kuantan.

Reaksi yang saya dapat hasil dari lawatan saya kedua-dua buah negara tersebut sangatlah menggalakkan dan saya percaya peluang bagi mempercepatkan pertumbuhan kerjasama ekonomi dan industri di antara Malaysia dengan Peranchis dan Sweden amatlah cerah.

MINYAK DICARIGALI DI MALAYSIA

6. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan bilangan tempat-tempat di mana minyak dicarigali di Malaysia dengan negara-negara manakah perjanjian mencarigali telah dibuat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat di mana minyak dicarigali di Malaysia adalah seperti berikut:

Tempat	Syarikat yang mencarigali
1. Di luar pantai Trengganu	Exxon
2. Di luar pantai Pahang ...	Continental Oil Co.
3. Di luar pantai Sarawak	Sarawak Shell Berhad
4. Di Iuar pantai Sabah ...	Sabah Shell Berhad Exxon Acquitaine Ocveanic Sabah Teiseki

Sebelum Akta Kemajuan Petroliam, 1974 dikuatkuasakan, Perjanjian mencarigali telah dibuat di antara Kerajaan Persekutuan dengan

syarikat-syarikat berkenaan bagi kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia dan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sabah atau Sarawak dengan syarikat-syarikat berkenaan bagi kawasan-kawasan di Sabah atau Sarawak. Perjanjian hanya dibuat dengan syarikat-syarikat minyak dan tidak dengan negara-negara asing.

Pada masa ini syarikat-syarikat tersebut telah diberi kebenaran oleh PETRONAS untuk meneruskan usaha-usaha mencarigali minyak di kawasan masing-masing. Kebenaran yang diberi itu ialah kebenaran sementara sebelum perjanjian tetap dapat dipersetuju dan ditandatangani.

MATAWANG MALAYSIA, SINGAPURA/BRUNEI—PENETAPAN NILAI

7. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan keterangan-keterangan selanjutnya mengenai keputusan yang telah diambil oleh Malaysia semasa perbincangan dengan Brunei dan Singapura untuk menangguhkan penetapan nilai matawang sehingga akhir tahun 1976.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuaratnya yang telah diadakan pada 31hb Mei, 1975 Lembaga Pesuruhjaya Matawang, Malaysia dan British Borneo mendapati bahawa sebahagian besar daripada jumlah \$53.1 juta matawang kertas dan duit syiling Malaya yang tidak ditebus mungkin telah musnah atau hilang di sepanjang tahun-tahun lepas, dan oleh sebab itu tidak mungkin lagi dapat diserah untuk penebusan. Tambahan lagi, kadar penebusan matawang Lembaga sekarang ini telah berkurangan kepada kira-kira \$12,000 Malaya sebulan. Oleh sebab itu, Kerajaan-kerajaan peserta Malaysia, Singapura dan Brunei, dengan sebulat suara bersetuju untuk terus menebus matawang Lembaga daripada orang ramai sehingga 31hb Disember, 1976. Selepas tarikh itu matawang tersebut tidak lagi boleh ditebus. Kadar pertukaran matawang Lembaga akan tetap tidak berubah pada kadar \$1 Malaya bagi 85c. matawang-matawang Malaysia, Singapura dan Brunei.

PASPOT ANTARABANGSA—PENGETAHUAN LUARAN

8. Datin Hajah Fatimah binti Hajji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Kementerian beliau sedar bahawa pengeluaran paspot-paspot antarabangsa telah tidak dilaksanakan dengan cukup teliti oleh kerana ramai pemegang-pemegang paspot telah mengambil peluang menggunakan kemudahan tersebut untuk melibatkan diri dalam pengedaran dadah antarabangsa dan lain-lain aktiviti yang merosakkan imej Malaysia di seberang laut. Jika sedar, nyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengeluarkan paspot-paspot hanya kepada mereka yang nyata layak; dan
- (b) adakah Kementerian akan mempastikan bahawa penyokong-penyokong dalam mendapatkan paspot antarabangsa adalah sebenarnya penyokong yang tulun dan mengenali pemohon-pemohon secara peribadi dan jika ya, apakah langkah-langkah yang ambil bagi mengelakkan berlakunya keadaan yang tidak diingini ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Hajji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran paspot adalah dijalankan dengan cukup teliti dan satu-satu permohonan paspot itu dikehendaki disokong oleh seorang kenamaan warganegara Malaysia yang termasuk Ahli-ahli Dewan ini yang kenal sendiri dengan pemohon. Namun demikian, ada segelintir kecil bilangan orang-orang yang dikeluarkan paspot ini telah menyalah-gunakan paspot mereka dengan melibatkan diri dalam pengedaran dadah dan sebagaimana. Di antara tahun 1970 sampai 1974 dari jumlah 532,744 paspot yang dikeluarkan, hanya 0.1% sahaja yang telah berbuat demikian. Mereka seperti ini ditarik balik paspot mereka dan tidak akan dikeluarkan paspot atau apa-apa surat perjalanan yang lain di masa yang akan datang.

Kementerian ini adalah sentiasa meneliti bahawa penyokong-penyokong dalam mendapatkan paspot adalah sebenarnya penyokong-penyokong yang betul-betul mengenali pemohon. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap penyokong-penyokong yang

didapati membuat kenyataan palsu dan selain daripada itu sokongan penyokong-penyokong yang disyaki tidak jujur sentiasa ditolak.

UNDANG-UNDANG LAUT—PENDIRIAN MALAYSIA

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan kemajuan yang telah dicapai di beberapa sidang Undang-undang Laut berkenaan pendirian Malaysia atas soal ini dan nyatakan samada matlamat Malaysia dalam Undang-undang Laut mungkin akan dicapai.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Ketiga Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut telah mengadakan tiga kali mesyuarat setakat ini. Mesyuarat pertama perasmian telah diadakan di New York dari 3hb hingga 15hb Disember, 1973 untuk memilih berbagai pemegang-pemegang jawatan bagi kerja atas Persidangan itu, untuk menuhuhan jawatankuasa-jawatankuasa yang berlainan bagi kerja Persidangan itu dan untuk memutuskan cara kerja dengan menerima Kaedah-kaedah Acara bagi Persidangan itu. Malaysia telah dipilih menjadi seorang anggota Jawatankuasa Penggubalan di mesyuarat itu. Mesyuarat kedua telah diadakan dari 20hb Jun hingga 29hb Ogos, 1974 di Caracas, Venuzuela di mana lebih kurang 150 buah negara telah menyertai dan berpeluang, setengah-setengahnya bagi kali pertama, mengemukakan kedudukan-kedudukan negara mereka untuk dikaji dan dibahaskan secara umum.

Di mesyuarat ini sebilangan besar cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada Persidangan itu telah dibentangkan semula di bawah kepala-kepala dan kepala-kepala-kecil yang berlainan dalam bentuk aliran-aliran am. Oleh kerana kepentingan bagi negara-negara yang berlainan adalah berbeza dan tidak sama antara satu sama lain maka kerap kali terdapat beberapa teks alternatif yang mencerminkan aliran-aliran am.

Mesyuarat ketiga telah diadakan di Geneva dari 17hb Mac hingga 10hb Mei tahun ini, bila beberapa rundingan tertentu telah dijalankan berasaskan cadangan-cadangan yang dikemukakan pada Persidangan itu. Bagaimanapun, oleh kerana negara-negara mempunyai kepentingan-kepentingan yang besar

mengenai laut dan sumber kekayaan laut adalah juga besar, maka tidaklah mungkin teks-teks alternatif itu dikurangkan kerana negara-negara tidak sanggup menerima teks-teks yang tidak mengandungi rumusan-rumusan yang mencerminkan hak-hak dan kepentingan-kepentingan. Akibat kebuntuan ini Persidangan itu telah memutuskan atas cadangan Yang di-Pertua Persidangan itu supaya Pengerusi bagi tiap-tiap satu daripada ketiga-ketiga Jawatankuasa Utama itu berusaha untuk mendapatkan satu teks tunggal rundingan (single negotiating text) dari antara semua teks dan cadangan yang berlainan dalam tiap-tiap satu Jawatankuasa untuk perbincang dan dibahaskan dalam mesyuarat keempat di New York dari 29hb Mac hingga 21hb Mei, 1976 kelak. Oleh yang demikian di mesyuarat yang akan datang ini rundingan-rundingan akan di-jalankan, atas satu teks tunggal rundingan (single negotiating text) dari tiap-tiap satu daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Utama itu dan tolakansur-tolakansur perlulah diusahakan mengenainya.

Selain daripada menyokong tuntutan-tuntutan dan aspirasi-aspirasi negara-negara membangun berhubung dengan hak-hak dan kepentingan-kepentingan mengenai laut dan mengenai sumber kekayaan laut, tujuan Malaysia ialah untuk memperlindungi kedaulatan ke atas perairan Malaysia, wilayahnya di Selat Melaka dan segala haknya yang ada sekarang di Laut China Selatan di antara Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur. Untuk mencapai tujuan ini Malaysia telah mengemukakan cadangan-cadangan di Persidangan itu dan di mesyuarat yang akan datang ini kita perlulah berhujah dan berunding dengan sedaya-upaya yang boleh supaya teks yang dicadangkan itu mencerminkan rumusan-rumusan kita dari Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri sangat nyata bahawa untuk mendapatkan satu persetujuan untuk Kanun (Code) bagi Undang-undang Laut akan mengambil masa yang panjang dan belum tentu, apabila mesyuarat diadakan di tahun hadapan, samada satu persetujuan akan dicapai atau tidak. Oleh kerana sangat mustahak bahawa tindakan yang tegas diambil untuk melindungi Selat Melaka dari pada kekotoran seperti tanker-tanker, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah tindakan yang diambil

untuk melindungi Selat Melaka dari kekotoran dan lain-lain bahaya yang akan timbul daripada passage tanker-tanker seperti perkara Showa Maru, khasnya sekarang apabila Terusan Suez dibuka di mana lebih banyak tanker-tanker yang menggunakan selat ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal bertanyakan apa yang telah dicapai dalam Persidangan itu, tetapi soalan tambahan itu soalan lain. Sungguhpun lain, saya suka menyatakan kita sememangnya telah luluskan undang-undang kita berkenaan dengan Wilayah kita hingga 12 batu di Selat Melaka, iaitu di sebelah selatan Selat Melaka itu boleh dikatakan 1/3 daripada Wilayahnya dipunyai oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia. Kita berhak mengambil apa-apa tindakan mengikut undang-undang kita sekiranya ada kecaman yang berlaku, sebagaimana yang telah berlaku di masa yang lepas yang mana kita telah membuat tuntutan kepada mereka.

PEJABAT POS BERGERAK

10. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau akan mengadakan perkhidmatan Pos Bergerak di kampung-kampung pendalam di luar bandar.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, tujuan diadakan Pejabat Pos-Pejabat Pos Bergerak ialah bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pos yang sepenuhnya sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang dijalankan oleh wakil pos-wakil pos untuk penduduk-penduduk luar bandar. Ini termasuklah kampung-kampung yang terpencil yang boleh dimasuki. Terdapat sekarang ini semuanya sebanyak 135 buah pejabat pos-pejabat pos bergerak di seluruh negara.

PERTANIAN LUAR BANDAR—PASARAN

11. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan :

- (i) samada Kementerian Pertanian menyediakan sebarang rancangan untuk menyelenggarakan dan memastikan bahawa hasil pertanian (sayuran dan

- bahan-bahan makanan) dari penduduk-penduduk luar bandar dibeli dengan harga yang baik dan sama bagi semua kaum;
- (ii) samada beliau sedar bahawa hasil pertanian daripada bumiputra dibeli dengan harga yang murah oleh sebahagian besar orang tengah kerana tidak adanya sebarang peraturan mengawal pasaran;
 - (iii) samada beliau sedar bahawa keadaan yang tidak seimbang ini boleh mengelwakan bumiputra dalam mengusahakan tanah bagi mengeluarkan hasil makanan yang banyak; dan
 - (iv) tidakkah Menteri fikir perlu bagi menjadi Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai badan tunggal yang menyelenggarakan semua hasil pertanian luar bandar dan dari sana baharulah disalurkan ke pasar-pasar seluruh negeri dan juga untuk diekspot supaya hasil pertanian penduduk luar bandar dibeli dengan harga yang sama dan berpatutan bagi semua kaum.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Ada melalui FAMA, dan pada masa ini FAMA telahpun melaksanakan rancangan untuk memperbaiki sistem pemasaran kopi, lada hitam, kelapa dan sayur-sayuran. Tidak berapa lama lagi, FAMA akan melaksanakan rancangan kawalan pemasaran bagi kacang tanah dan koko, kemungkinan dan keperluan untuk mengawal pemasaran bagi hasil-hasil pertanian lain adalah dalam kajian.
- (ii) Tidak sedar bahawa sebahagian besar orang tengah membeli hasil pertanian daripada bumiputra dengan harga yang murah. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu siapakah orang-orang tengah yang berkenaan itu, hal ini akan disiasat.
- (iii) Saya sedar jika sekiranya keadaan ini berlaku.
- (iv) Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sememangnya menggalakkan koperasi-koperasi dan Persatuan-persatuan Peladang mengusahakan pemasaran hasil pertanian luar bandar.

Dr Tan Chee Khoon: Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jajwapannya menyatakan FAMA telah mengambil-alih dalam pasaran sayuran-sayuran dan lain-lain. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar sayur-sayuran, seumpamanya daripada Cameron Highlands dan ikan daripada Pulau Pangkor telah dibeli oleh orang tengah dengan harga murah dan dijual di pekan, seumpamanya Kuala Lumpur dan lain-lain pekan dengan harga mahal. Jadi, keuntungan kepada petani-petani atau nelayan-nelayan kecil, tetapi keuntungan kepada orang tengah ini besar. Apakah tindakan FAMA dan Kementeriannya telah diambil supaya penindasan atau exploitasi ini boleh dihapuskan?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, pihak FAMA sentiasa mengadakan perjumpaan-perjumpaan apabila timbul masalah-masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setakat ini daripada segi perlaksanaan FAMA terhad kepada kawasan di Negeri Johor, dan masalah-masalah yang timbul seperti Cameron Highlands dan sebagainya itu diatasi oleh pihak FAMA daripada masa ke semasa di dalam perjumpaan-perjumpaan yang diadakan.

PENUNTUT-PENUNTUT BANGSA CHINA DI NEGERI CHINA MELAWAT MALAYSIA

12. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada penuntut-penuntut Bangsa China yang pergi ke Negeri China untuk belajar dan telah berada di Hong Kong selama beberapa tahun boleh dibenarkan melawat ibubapa atau saudara-mara mereka di Malaysia memandangkan Malaysia sekarang mempunyai hubungan diplomatik dengan Negeri China.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal bolehkah atau tidak untuk melawat ibubapa, saudara-mara di Malaysia penuntut-penuntut yang bukan warganegara yang berasal daripada negeri ini pergi menuntut ke Republik Rakyat China tanpa kebenaran tidak ada kena mengena dengan soal perhubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

PEMAJU PERUMAHAN—KEMUDAHAN AWAM

13. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan :

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan pemaju-pemaju perumahan pada masa sekarang tidak menyediakan kawasan-kawasan perumahan mereka dengan kemudahan-kemudahan awam seperti padang mainan kanak-kanak, balairaya, pasar dan lain-lain, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini;
- (b) samada beliau sedar bahawa walaupun setengah pemaju-pemaju perumahan menyediakan kawasan bagi padang mainan kanak-kanak di kawasan perumahan mereka, mereka tidak menyediakkannya dengan kemudahan-kemudahan padang mainan kanak-kanak, dan jika ya, nyatakan samada tindakan-tindakan akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini;
- (c) samada Kerajaan akan membina balairaya-balairaya di kawasan-kawasan perumahan tidak mengira samada kawasan bagi balairaya tersebut telah disediakan oleh pemaju perumahan atau tidak, dan jika tidak, apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membina balairaya tersebut; dan
- (d) apakah pandangan Kerajaan tentang ketiadaan kemudahan-kemudahan seperti yang dinyatakan di (a), (b) dan (c) di atas di kawasan-kawasan perumahan yang ramai bilangan penduduknya dan apakah langkah-langkah yang akan dimbil untuk membetulkan keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tersebut pada keseiuruhannya, walaupun Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru bertanggungjawab ke atas pentadbiran Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju, Perumahan dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, perlulah dinyatakan bahawa pemaju-pemaju perumahan selain daripada

dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam undang-undang yang di atas, mestilah juga mematuhi kehendak-kehendak pihak-pihak berkuasa yang lain di dalam perlaksanaan projek-projek perumahan mereka. Berkenaan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan awam di dalam rancangan-rancangan perumahan, pemaju-pemaju perumahan dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri di dalam negeri-negeri masing-masing, dan jika di dalam Wilayah Persekutuan, terpaksa mematuhi kehendak-kehendak Dewan Bandaraya. Perkara untuk mengadakan kemudahan-kemudahan awam adalah di bawah jagaan atau kawalan Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri di dalam negeri-negeri masing-masing, melainkan di dalam Wilayah Persekutuan (yang mana adalah di bawah Kerajaan Persekutuan). Dengan ini adalah menjadi kebiasaan dan amalan Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Dewan Bandaraya, apabila mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan kebenaran perancang kawasan-kawasan perumahan daripada pemaju-pemaju swasta, menitikberatkan keperluan supaya diadakan kemudahan-kemudahan awam yang cukup (umpamanya taman permainan kanak-kanak, dewan orang ramai, pasar, dan lain-lain seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat) sebelum tersebut diluluskan.

Mungkin ada kes-kes yang mana mana estet-estet perumahan swasta tidak ada menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang mencukupi tetapi keadaan seperti ini hanya boleh diperbaiki sekiranya latarbelakang dan tempat terletaknya estet-estet itu diketahui. Sekiranya Yang Berhormat boleh memberitahu dengan tepat saya akan membuat siasatan atau merujukkan kes-kes itu kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar atau kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan untuk perhatian mereka.

WARGANEGARA/BUKAN WARGA-NEGARA—PERSEIMBANGAN KEDUDUKAN

14. Tuan Rasiah Rajasingam minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada orang-orang bukan warganegara

serta orang-orang yang berkedudukan tinggi menikmati keistimewaan tambahan daripada warganegara biasa di negara ini apabila mereka dikenakan dengan tuduhan-tuduhan yang tidak boleh dijaminkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, menurut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan semua orang adalah samarata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama-rata di sisi undang-undang. Oleh itu, dengan adanya peruntukan Perkara 8 di dalam Perlembagaan Persekutuan itu tidak ada siapa pun samada warganegara ataupun tidak, ataupun berkedudukan tinggi atau rendah akan menikmati keistimewaan tambahan lebih-lebih lagi daripada segi undang-undang jenayah. Siapa juga yang dituduh dengan kesalahan-kesalahan jenayah yang tidak boleh jamin sudah tentu akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkenaan, dengan soalan tuduhan seumpama itu tidak samada orang yang kena tuduh itu warganegara atau tidak, berkedudukan tinggi atau rendah. Walau bagaimanapun, soal kebenaran jamin di dalam sesuatu kes itu terpulanglah kepada mahkamah-mahkamah majistret, hakim-hakim yang berkenaan untuk menjalankan keadilan yang sewajarnya, dan kita semua tahu mereka itu tidak boleh dipengaruhi oleh siapa juga pun.

Tuan Rasiah Rajasingam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh! Di dalam masa soal-jawab mestilah dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Rasiah Rajasingam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara sedar tentang Carter case di Penang. Dia kena charge under Section 376 for rape tidak di masukkan ke dalam lock-up selama satu jam. Kalau orang-orang lain, rakyat kita (citizen) kena tangkap terus masuk ke dalam Police lock-up, tetapi Carter seorang Inggeris

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membuat statement, apa yang hendak disoal atau hendak ditanya kepada Yang Berhormat Menteri tanyalah tetapi janganlah membuat ucapan.

Tuan Rasiah Rajasingam: Adakah Menteri Undang-undag tahu atau tidak?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tidak pernah tahu dan tidak pernah dengar.

Tuan Rasiah Rajasingam: Susahlah kalau seorang Menteri Undang-undang dan Peguam Negara tidak tahu apa-apa kejadian di dalam Mahkamah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, barangkali tidak sampai pada pengetahuan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Perkara yang berlaku di dalam sesuatu lock-up di dalam Wilayah Malaysia kalau tidak disampaikan pada saya, khasnya bagi Yang Berhormat yang tahu, macam mana Peguam Negara hendak tahu. Kalau disampaikan kepada saya, saya boleh tengok.

Tuan Yang di-Pertua: Betul. Peguam Negara bukan wali (*Ketawa*).

KELAS TINGKATAN ENAM RENDAH

15. Tuan Haji Jamil bin Ishak: minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengada kelas Sijil Tinggi Persekolahan di Tanjong Karang dan bilakah ianya dapat dilaksanakan.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, mengikut kedudukan pada tahun ini hanya seramai 7 orang murid jurusan sains serta 5 orang murid jurusan sastera daripada sekolah-sekolah aliran Inggeris, dan 19 murid jurusan sains serta 12 murid jurusan sastera daripada sekolah-sekolah aliran Bahasa Malaysia yang terpilih ke kelas Tingkatan VI Rendah di kawasan Tanjong Karang dan kawasan-kawasan berhampiran dengannya. Pertimbangan untuk mengadakan kelas Tingkatan Enam di Kawasan tersebut hanya dapat diberi setelah, di antara lainnya, terdapat bilangan murid yang layak terpilih ke kelas Tingkatan VI dan cukup untuk mengadakan satu kelas. Buat masa ini kawasan tersebut belum lagi dapat mengadakan bilangan murid-murid yang cukup untuk Tingkatan VI.

PEJABAT TANAH LUMUT—ADUAN

16. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa ada setengah penduduk di kawasan Dindings telah menulis surat kepada Perdana Menteri pada bulan Mei, 1975 mengadu bahawa terdapat perbuatan yang tidak betul merebak di Pejabat Tanah, Lumut, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

Menyatakan: **Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar berkenaan adanya aduan yang dibuat oleh pihak yang tertentu di kawasan Dindings dengan menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kononnya terdapat perbuatan yang tidak betul merebak di Pejabat Tanah, Lumut. Perkara ini adalah juga disedari oleh pihak Kerajaan Negeri Perak.

Buat masa ini perkara tersebut masih di dalam siasatan.

**CADANGAN KEWANGAN NEGARA
(NATIONAL MONETARY RESERVE)**

17. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kewangan menyatakan :

- (a) jumlah Cadangan Kewangan Negara kita dan jumlah yang boleh dianggap sebagai berada di peringkat merbahaya cadangan; dan
- (b) mengapa negara kita mesti meminjam dari negara-negara lain sekiranya Cadangan Kewangan Negara kita kukuh.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan Antarabangsa Malaysia pada 31hb Mei, 1975 berjumlah lebih kurang \$3,217 juta. Jumlah ini sama nilainya dengan impot Malaysia yang disimpan selama lebih kurang lima bulan setengah pada kadar yang ada sekarang ini. Kekurangan cadangan antarabangsa ini bergantung kepada beberapa faktor, termasuk perubahan dalam pendapatan ekspot negara, kedudukan kewangan negara, keupayaan untuk mendapatkan punca kewangan antarabangsa dan kemampuan ekonomi negara untuk lebih

maju. Mengikut kadar antarabangsa, simpanan negara kita sekarang ini adalah mencukupi.

(b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia seperti lain-lain negara yang sedang membangun, memerlukan modal untuk usaha-usaha pembangunannya. Untuk menambah punca-punca kewangan kita sendiri, maka adalah perlu dari masa kesemasa kita meminjam daripada yayasan-yayasan kewangan antarabangsa dan serantau seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, dan daripada negara-negara sahabat yang tertentu, untuk membantu kita di dalam membiayai projek-projek pembangunan. Biasanya pinjaman-pinjaman ini diperolehi dengan syarat-syarat yang agak mudah, bergantung kepada jenis-jenis projeknya. Di dalam pasaran wang, kita juga meminjam daripada bank-bank perdagangan dan saudagar untuk projek-projek pembangunan itu amnya dan juga menggunakan kemudahan-kemudahan kredit yang ditawarkan oleh negara-negara asing bagi pembelian alat kelengkapan dan perkhidmatan.

Walaupun paras cadangan antarabangsa kita agak tinggi, adalah satu langkah ekonomi yang sesuai untuk kita menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut sebagai tambahan kepada usaha-usaha kita di dalam mempergunakan bahan-bahan keluaran negara sendiri untuk pembangunan ekonomi. Malahan paras cadangan kita yang tinggi dan dasar kewangan kita yang begitu baiklah yang telah membolehkan negara ini mengekalkan kedudukan kreditnya yang begitu baik yang diperlukan untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman luar negeri dengan syarat-syarat yang berpatutan.

TALIPON OTOMATIK—PER-KHIDMATAN

18. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah talipon otomatis akan dipasang di Tanjung Karang dan apakah langkah dan tindakan sementara yang diambil untuk mengatasi perkhidmatan talipon yang tidak memuaskan sekarang dan yang menimbulkan kesusahan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tanjung Karang adalah dibekalkan perkhidmatan talipon daripada Ibusawat Talipon Luar Bandar yang bermuatan 75 talipon. Ibusawat talipon ini sekarang hampir penuh dan tindakan sedang diambil untuk menambah muatannya lagi supaya memboleh Jabatan ini memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna di kawasan ini pada panghujung tahun ini.

Dalam kawasan Tanjung Karang, pelanggan-pelanggan boleh dail terus antara satu sama lain. Namun demikian, bagi panggilan-panggilan ke tempat-tempat luar dari Tanjung Karang seperti ke Kuala Selangor, Kelang, Ipoh dan lain-lain panggilan tersebut adalah bergantung kepada sambungan operator di ibusawat beroperator di Kuala Selangor.

Jabatan Telekom sedang merancang menukar ibusawat beroperator Kuala Selangor itu ke otomatis, supaya pelanggan-pelanggan di ibusawat-ibusawat seperti Tanjung Karang, Bukit Rotan, Batang Berjuntai dan Sekinchan yang sekarang disambungkan kepada ibusawat beroperator di Kuala Selangor, dapat kemudahan S.T.D. dengan sepenuhnya. Projek ini adalah dijangkakan siap pada penghujung tahun 1976.

MUHAMMAD ALI/JOE BUGNER— CUKAI PENDAPATAN AHLI TINJU

19. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah Muhammad Ali dan Joe Bugner telah dikecualikan dari membayar cukai pendapatan kepada Kerajaan Malaysia berhubung dengan perlawanan mereka pada 1-7-1975;
- (b) mengapakah Pemuda-pemuda UMNO telah dikecualikan dari membayar cukai hiburan kepada Kerajaan berhubung dengan perlawanan antara Muhammad Ali dan Joe Bugner yang mereka anjurkan; dan
- (c) samada Kerajaan akan memberikan layanan yang sama kepada parti-parti pembangkang sekiranya mereka ingin manganjurkan aktiviti-aktiviti sukan di negara ini.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua,

(a) sepanjang yang diketahui oleh Kerajaan penganjur-penganjur (promoters) Perlawanan Kejohanan Tinju Heavy-weight Dunia antara Muhammad Ali dan Joe Bugner yang telah diadakan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini ialah Tinju Dunia Sdn. Bhd. Mengikut Perjanjian-perjanjian yang telah dibuat antara Syarikat itu dengan Muhammad Ali dan Joe Bugner, cukai pendapatan Malaysia yang dikenakan atas kedua-dua ahli tinju itu, akan ditanggung dan dibayar oleh Syarikat itu. Syarikat itu kemudiannya telah membuat permohonan kepada Perbadanahaaraan untuk mendapatkan pengecualian dari bayaran cukai pendapatan oleh kedua-dua ahli tinju itu. Perbadanahaaraan memberi akaun akan menimbangkan permohonan itu setelah syarikat itu mengemukakan akaun oditnya dan samada syarikat itu telah menanggung kerugian.

(b) Sebagaimana telah saya sebutkan sebelum tadi penganjur-penganjur perlawanan itu ialah Tinju Dunia Sdn. Bhd. Syarikat itu telah juga memohon pengecualian dari bayaran cukai hiburan. Permohonan ini akan juga dipertimbangkan selepas syarikat itu mengemukakan akaun oditnya dan samada syarikat itu telah menanggung kerugian.

(c) Dari apa yang telah saya nyatakan, pertimbangan untuk memberi pengecualian dari bayaran cukai pendapatan dan cukai hiburan tidaklah berdasarkan di atas perhubungan politik promoters ataupun sponsorsnya. Tiap-tiap permohonan akan dipertimbangkan mengikut merit-meritnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam jawapannya menyatakan kalau akaun perlawanan ini telah diudit dan ada kerugian, maka Perbadanahaaraan akan menimbangkan pengecualian cukai pendapatan atau cukai hiburan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan kalau sekiranya ada lain-lain perlawanan bukan boxing sahaja, misalnya, basket ball, badminton, atau lain-lain permainan dan kalau mereka pun membuat permohonan seperti yang dibuat baru-baru ini, bolehkah

Perbendaharaan memberi peluang kepada penganjur-penganjur lain tentang permainan-permainan lain juga?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak bersangkut-paut. Ini hypothetical.

Dr Tan Chee Khoon: Bolehkah saya membuat pertanyaan semula?

Tuan Yang di-Pertua: Tengoklah bagaimana bunyi soalannya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar oleh sebab Perbendaharaan telah memberi peluang kalau penganjur-penganjur ada mengalami kerugian tentang perlawanan antara Muhammad Ali dan Joe Bugner ini boleh dibuat sebagai contoh kepada orang lain di masa akan datang membuat permohonan seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua: Perbendaharaan belum timbang lagi. Dia kata akan dipertimbangkan. Belum putus lagi perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan samada Perbendaharaan bersetuju akan menimbang mengecualikan cukai hiburan sekiranya penganjur-penganjur perlawanan ini mengalami kerugian, sebab telah ada precedent atau dahulunya ada memberi dan membuat amalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Itupun saya fikir tidak patut ditayangkan. Perkara itu Yang Berhormat Menteri sudah menjawabnya dan akan menimbangkan. Macam mana hendak ikat tangan Menteri, sekarang hendak menjawab dengan tepat. Tentulah kena periksa kira-kira dahulu seperti kata Yang Berhormat Menteri tadi.

DADAH DI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN—PENYALAHGUNAAN

20. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk mencegah penyalahgunaan dadah di pejabat-pejabat Kerajaan dan Kementerian-kementerian di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar di seluruh negara dan juga nyatakan samada Kementerian

beliau telah mengambil tindakan terhadap Ketua-ketua Jabatan yang telah membiarkan aktiviti-aktiviti yang tidak baik ini berlaku.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Ketua-ketua Jabatan telah diminta mengawasi kegiatan-kegiatan menyalahguna dadah di kalangan kakitangan mereka. Bahkan setengah Ketua-ketua Jabatan telah mengambil daya usaha mereka sendiri dengan menjemput pegawai-pegawai Pusat Biro Narkotik untuk memberi penerangan mengenai masaalah-masaalah salahguna dadah kepada kakitangan mereka itu. Taklimat mengenai masaalah dadah telah juga disampaikan kepada Ketua-ketua Setiausaha berbagai Kementerian. Setakat ini tidak ada Ketua-ketua Jabatan yang diambil tindakan kerana membiarkan kakitangan mereka menyalahgunakan dadah disebabkan tidak ada Ketua-ketua yang membiarkan perkara ini berlaku di pejabatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 53 adalah diberi di bawah ini.*)

SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

21. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kementerian beliau akan mengarah Dewan Bandaraya menjalankan suatu kajian sosio-ekonomi ke atas 180,000 penghuni di kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan serupa dengan kajian yang dilancarkan oleh pihak yang sama di Kampung Kongo, Cheras dan di kampung-kampung lain, di Wilayah Persekutuan. Jika ya, nyatakan bila, dan jika tidak, nyatakan sebab-sebab.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Dewan Bandaraya sudah mempunyai rancangan untuk menjalankan suatu tinjauan komprehensif bagi semua kawasan-kawasan setinggan di dalam Wilayah Persekutuan. Keutamaan akan diberi kepada kawasan-kawasan yang terlibat dalam projek-projek pembangunan. Suatu unit bagi menjalankan tinjauan ini telahpun ditubuhkan dan kerja-kerja permulaan dijangka akan bermula tidak lama lagi.

LEMBAGA KEMAJUAN PERU- MAHAN—PENUBUHAN

22. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada Kementerian beliau akan menyegerakan penubuhan Lembaga Kemajuan Perumahan di peringkat Kebangsaan dan Negeri memandang keperluan yang besar untuk rumah-rumah berharga murah di seluruh negara sebagaimana yang dibuktikan baru-baru ini di Tampoi, Johor, di mana terdapat 20,000 pemohon-pemohon untuk 99 buah rumah berharga murah dan jika ya, nyatakan bila.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Kementerian ini merasakan bahawa penubuhan sebuah Lembaga Kemajuan Perumahan di peringkat Kebangsaan dan Negeri belum perlu disegegerakan lagi kerana langkah-langkah yang konkrit seperti yang ternyata di bawah ini telahpun diambil buat mengatasi masaalah kekurangan perumahan murah itu. Antara langkah-langkah tersebut ialah :

- (1) Memandangkan bahawa, menurut Perlembagaan, perkara perumahan ialah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, maka Kerajaan-kerajaan Negeri serta jua Perbadanan-perbadanan Kemajuannya, telahpun diingatkan iaitu tugas mengadakan perumahan murah yang secukupnya adalah merupakan salah satu daripada tanggungjawabnya yang utama dan dengan hal yang demikian mereka telahpun mulai mengambil langkah memperkuatkan institusi-institusi yang berkenaan dengan mendapatkan lebih ramai lagi kakitangan-kakitangan professional dan teknikal ataupun dengan cara mendapatkan penasihat-penasihat atau bantuan-bantuan dari Ajensi-ajensi Kerajaan Pusat supaya dapat meninggikan lagi kebolehan dan kemampuan mereka dalam menyediakan rumah-rumah kos-rendah.

Pihak Dewan Bandaraya pula telahpun menubuhkan sebuah unit pembangunan perumahan yang baru bagi mempercepatkan lagi kemajuan perumahan di Wilayah Persekutuan. Pihak Kementerian saya sendiri pun akan memperkuatkan lagi dengan tertubuhnya sebuah Jabatan Perumahan Negara. Dengan itu maka sekim perumahan

unutk rakyat daripada golongan pendapatan kecil yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 6hb Julai, yang lalu ini akan dapat dilaksanakan dengan secekap-cekapnya. Sebagai Yang Berhormat sedia maklum, sekim perumahan itu akan dikendalikan daripada satu kumpulan wang pusingan (revolving fund) berjumlah \$10 juta yang akan diletakkan di bawah kawalan Kementerian saya.

Cadangan-cadangan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan rancangan pembinaan rumah-rumah kos-rendah bagi jangkasama Rancangan Malaysia Ketiga adalah melebihi 4 kali ganda daripada yang diusahakan oleh mereka dalam Rancangan Malaysia Kedua. Cadangan-cadangan ini sedang dipertimbangkan oleh pihak Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara.

IKAN DI DASAR LAUT BERKURANGAN

23. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar kekurangan ikan di perairan Semenanjung Malaysia terutamanya di perairan Pantai Barat iaitu di Selat Melaka. Jika sedar, adakah beliau bercadang mengadakan peraturan dalamana nelayan-nelayan yang berlesen pukat tunda dibenar menggunakan pukat tunda dalam jangkamasa yang tertentu umpamanya untuk enam bulan dalam setahun dan bagi baki tahun itu menggunakan pula cara-cara atau alat-alat menangkap ikan yang lain bagi mengurangkan tekanan terhadap nelayan-nelayan lain.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Saya sedar. Hasil-hasil pendaratan ikan menunjukkan bahawa ikan-ikan di dasar laut telah berkurangan dan pengusahaan ikan di permukaan air sedang dijalankan di peringkat sepenuh keupayaan. Dalam keadaan sedemikian membenarkan nelayan-nelayan pukat tunda berlesen mengubah cara-cara menangkap ikan dalam tempoh tertentu tidak akan menyelesaikan masaalah yang dihadapi sekarang ini. Malahan ia boleh pula memburukkan keadaan nelayan-nelayan pantai. Satu cara untuk menentukan sumber ikan dasar laut sentiasa ada dengan mencukupi

ialah dengan menentukan bahawa anak-anak ikan tidak tertangkap oleh pukat-pukat dengan membesarkan mata pukat tunda. Kementerian saya sedang mengkaji masaalah ini. Dalam pada itu kerjasama nelayan-nelayan adalah perlu supaya mematuhi peraturan-peraturan yang dikenakan oleh undang-undang kerana peraturan-peraturan sedemikian dibuat untuk menjaga kepentingan mereka sendiri. Satu lagi cara ialah dengan tidak menambah dengan banyak bagi lesen-lesen pukat tunda. Ini sedang dilaksanakan.

LETRIK KE KAMPUNG BARU CHANGKAT KINDING

24. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang membekalkan letrik kepada Kampung Baru Changkat Kinding, Tanjung Rambutan dan memasangkan lampu-lampu jalan di Kawasan Penempatan Semula, Chemor.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Kampung Baru Changkat Kinding, Tanjung Rambutan dan Kawasan Penempatan Semula Chemor adalah di dalam kawasan Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta (KED). Pihak KED telahpun memberi anggaran untuk membekalkan kuasa letrik ke Kampung Baru Changkat Kinding kepada Pegawai Daerah Kinta untuk timbangan Kerajaan Negeri Perak. Kementerian saya akan memberi sumbangan Kerajaan Persekutuan untuk perlaksanaan projek ini atas syarat ianya diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak. Lampu-lampu jalan telah diadakan ke Kawasan Kuala Kuang, Chemor. Sekiranya ada kawasan-kawasan lain di dalam Kawasan Penempatan Semula Chemor yang belum mendapat lampu-lampu jalan permohonan bolehlah dibuat kepada Majlis Tempatan yang berkenaan.

ORDINAN PAMPASAN PEKERJA— PINDAAN

25. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau akan menambahkan wang sejumlah \$7,200 sebagai pampasan yang boleh dibayar kepada pekerja sebagaimana yang dibekalkan di dalam Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 oleh kerana wang sejumlah ini tidak mencukupi pada masa sekarang, dan jika ya, bila.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tindakan telahpun diambil bagi merangka pindaan-pindaan kepada Ordinan Pampasan Pekerja, untuk menambah jumlah pampasan yang dibayar.

HAKMILIK TANAH PENDUDUK KAMPUNG BARU

26. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumanan dan Kampung-kampung Baru menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menyamakan tempoh hakmilik tanah di kampung-kampung baru supaya ada persamaan tentang tempoh pajakan di semua Negeri-negeri Malaysia Barat masa mengeluarkan hakmilik tanah kepada penduduk-penduduk kampung baru ini.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Saya sedar akan kesulitan-kesulitan dan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru berhubung dengan soal hakmilik tanah.

Langkah-langkah telahpun diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyelaraskan keadaan yang tidak seimbang ini. Kerajaan Negeri telahpun bersetuju menimbangkan cadangan untuk memberikan hakmilik tanah yang tetap bagi kampung-kampung baru berdasarkan kepada keadaan-keadaan serta sebab-sebab yang tertentu, dan memberi tempoh pajakan hakmilik tanah dalam jangka masa tidak kurang dari 60 tahun.

Dengan ini, Kampung-kampung baru akan mendapat jaminan yang lebih selamat di dalam kegunaan tanah-tanah dan dalam masa yang sama akan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Semasa lawatan saya ke beberapa negeri, saya telah mengadakan rundingan-rundingan dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-setua Menteri berkenaan dengan soal-soal tempoh pajakan hakmilik tanah.

KAMPUNG BARU SUNGAI WAY— JAWATANKUASA SETINGGAN

27. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumanan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau telah memberi kuasa atau bersetuju atas pembentukan Jawatankuasa Setinggan yang diketuai oleh Puan

Ng Seong Kum di Kampung Baru Sungai Way dengan kuasa untuk menerima menimbang dan meluluskan permintaan tanah yang terletak di Resab L.L.N. di seksyen 51-A Petaling Jaya, dan samada beliau sedar tentang salah guna kuasa, kecurangan dan berbagai rungutan berhubung dengan pemberian tanah di atas oleh Jawatankuasa tersebut, atau oleh Puan Ng Seong Kum sendiri, dan apakah penyiasatan berkenaan hal ini yang telah Menteri berkenaan buat setakat ini.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Perkara ini berlaku sebelum Kementerian saya ditubuhkan. Ia tidak ada kaitannya dengan Menteri atau Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru.

TALIPON-TALIPON BARU

28. Datuk Albert Mah minta Menteri Perhubungan menyatakan :

- (a) jumlah permohonan-permohonan untuk talipon-talipon baru yang sekarang ada di dalam senarai-senarai menunggu bagi setiap Negeri di Semenanjung Malaysia;
- (b) bilakah permohonan-permohonan yang ditangguhkan ini akan diluluskan dan talipon-talipon dipasangkan;
- (c) adakah Menteri akan menimbang menguntukkan 24 jam perkhidmatan untuk membaiki talipon-talipon dengan cepat apabila berlaku kerosakan-kerosakan;
- (d) adakah Menteri sedar bahawa pelanggan-pelanggan talipon di Kuala Lumpur terpaksa menunggu beberapa minggu sebelum talipon-talipon mereka yang rosak itu dapat diperbaiki; dan
- (e) apakah langkah-langkah positif sedang diambil bagi memperuntukkan kepada rakyat amnya dengan satu perkhidmatan yang cepat dan segera.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Bilangan permohonan-permohonan dalam senarai penunggu tercatit di sini

bagi tiap-tiap Negeri dalam Semenanjung Malaysia sampai 1-6-75 adalah seperti berikut:

Kedah	419
Perlis	78
Pulau Pinang	1,703
Perak	3,401
Negri Sembilan	1,157
Melaka	1,011
Johor	4,235
Pahang	502
Trengganu	330
Kelantan	933
Selangor	8,461
Wilayah Persekutuan	13,114
			35,344

- (b) Kementerian ini sentiasa berusaha untuk menampung keperluan pemohon-pemohon di setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan membekalkan talipon-talipon kepada semua permohonan-permohonan yang ditangguhkan.
- (c) Perkhidmatan 24 jam untuk membaiki talipon rosak adalah juga diadakan sekarang untuk talian-talian perkhidmatan yang mustahak dan perlu. Adalah tidak praktikal untuk mengadakan perkhidmatan membaiki untuk sebarang pelanggan pada waktu malam kerana ini akan melibatkan orang yang membaiki talipon pergi ke rumah-rumah persendirian dan pejabat-pejabat yang telah tertutup untuk memeriksa dan membaiki kerosakan-kerosakan. Ini akan menimbulkan masaalah-masaalah yang tidak diingini kerana tidak semua pelanggan-pelanggan suka untuk membenarkan orang-orang membaiki talipon ke rumah-rumah mereka pada waktu malam.
- (d) Setiap kerosakan talipon diperbetulkan dengan seberapa segera yang mungkin bergantung kepada jenis kerosakan itu dan juga keadaan tempat di mana kerosakan itu berlaku. Kerosakan yang berlaku disebabkan oleh kerosakan kabel memakan masa 48 jam iaitu lebih lama dari kerosakan akibat putusnya wire-wire udara (overhead wires) yang memakan masa yang singkat untuk membetulnya.

(e) Langkah-langkah yang besar telah diambil untuk mengadakan perkhidmatan yang cepat dan baik kepada orang awam adalah seperti berikut:

- (i) Ibusawat-ibusawat talipon yang beroperator akan ditukarkan semuanya kepada cara perjalanan otomatis dalam masa dua tahun yang akan datang dan kemudahan-kemudahan Panggilan Sambungjauh sepenuhnya akan diperluaskan untuk menghapuskan panggilan-panggilan jauh yang menggunakan operator.
- (ii) Rangkaian sambungjauh dan cawangan-cawangan diperluaskan dengan keseluruhannya untuk menampung terapik yang bertambah.
- (iii) Muatan ibusawat talipon di seluruh negeri hingga 31-12-1974 ialah 164,000 talian-talian. Ini akan ditambah sebanyak 40,000 talian lagi sebelum akhir tahun ini. Dalam tahun 1976, sebanyak 152,000 talian akan ditambah lagi. Sekiranya kedudukan ekonomi bertambah baik dan stabil, ada rancangan-rancangan untuk menambah bilangan muatan-muatan ibusawat sehingga 632,000 talian dalam masa lima tahun yang akan datang iaitu dengan tambahan 300%.
- (iv) Untuk memberikan perkhidmatan yang cepat sekali dengan memakai alat-alat ibusawat elektronik, yang mana kerosakannya terkurang sekali dan juga masa pembinaannya rendah (6 bulan sahaja, jika dibandingkan pada masa 18 bulan pada alat-alat biasa).
- (v) Untuk menggunakan bahan-bahan yang bermutu tinggi dalam semua rangkaian (in the entire network).
- (vi) Untuk membahagikan pusat-pusat kawalan kerosakan (decentralisation of maintenance centres) supaya dapat perkhidmatan yang khas (personalised service) diberi untuk memperbaiki kerosakan talipon.

PENGGANAS KOMINIS DI SARAWAK

29. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kesan jika ada, kekeciwaan Amerika di Vietnam terhadap perjuangan kita menentang pengganas-pengganas kominis di Sarawak memandangkan bahawa ramai daripada mereka yang telah meletakkan senjata di bawah operasi SRI AMAN telah kembali semula ke hutan untuk menyambung perjuangannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tidak ada kesan langsung di dalam perjuangan kita menentang pengganas kominis di Sarawak akibat kekeciwaan pihak Amerika di Vietnam. Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu disebabkan oleh layanan yang saksama yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka yang kembali ke pangkuhan masyarakat di bawah Operasi SRI AMAN maka tidak seorang pun telah berpaling tadah semula dan masuk ke hutan untuk menyambung perjuangannya ke pihak kominis sejak kejatuhan Vietnam pada 30hb April, 1975 itu. Saya takjub dari mana cerita fitnah begini diperolehi oleh Yang Berhormat. Saya harap janganlah hendaknya kita menjadi alat khabar angin dari pihak musuh.

GALAKAN PENEMPATAN (LOCATIONAL INCENTIVE)

30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (a) memandangkan kepada kedudukan Negeri Kelantan yang terpisah jauh daripada tarikan-tarikan untuk penanaman modal dan hanya mengharapkan Lebuhraya Timur-Barat sahaja, sekalipun dengan jalan ini Kelantan masih belum dekat dengan pelabuhan-pelabuhan di Pantai Barat atau Kuantan, dan tidak seperti negeri-negeri kurang maju yang lain seperti Kedah, Perlis dan Trengganu yang mempunyai kelebihan-kelebihan perhubungan oleh kerana dekat dengan pelabuhan, samada Kerajaan boleh memberi insentif-insentif khusus kepada Negeri Kelantan; dan
- (b) samada Kerajaan Pusat sanggup membenarkan pelaburan modal untuk industri yang tidak semata-mata export-oriented bagi mengatasi masalah penarikan modal ke Kelantan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian
(Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):**

(a) Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelaraskan perusahaan ke kawasan-kawasan kurang maju termasuk juga Kelantan. Dalam meluluskan projek-projek perusahaan baru, Kerajaan bersedia memberikan galakan-galakan kepada projek-projek yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju walaupun projek-projek tersebut tidak akan mendapat sebarang galakan jika ianya ditempatkan di kawasan-kawasan yang telah maju.

Dalam pengubalan/penyediaan sekim-sekim galakan-galakan, Kerajaan telah memberi pertimbangan yang istimewa kepada kawasan-kawasan yang kurang maju termasuklah Kelantan. Kawasan-kawasan kurang maju layak mendapatkan tambahan 1 tahun masa kelepasan cukai di bawah sekim taraf perintis dan kelonggaran cukai penggunaan tenaga buruh serta tambahan sebanyak 5% kredit cukai di bawah sekim kredit cukai pelaburan.

Dengan berkuatkuasa dari 1hb Januari, 1975, Kerajaan telah mengisyiharkan satu sekim baru mengenai galakan-galakan yang dinamakan Galakan Penempatan (Locational Incentive Act), yang mana memberi masa maksima kelepasan cukai selama 10 tahun untuk projek yang telah diluluskan. Untuk maksud ini, seluruh Negeri Kelantan telah diisyiharkan sebagai Kawasan Galakan Penempatan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah pertimbangan yang istimewa bagi Kelantan sama seperti negeri-negeri lain yang termasuk di dalam kawasan Galakan Penempatan ini. Oleh itu, projek-projek yang dicadangkan untuk ditempatkan di Kelantan bolehlah memohon bagi mendapatkan galakan tersebut.

Walau bagaimanapun, saya ingin negaskan di sini bahawa peruntukan gaiakan sahaja tidak semestinya akan menarik satu-satu projek itu ditempatkan di satu-satu kawasan tertentu. Faktor-faktor lain seperti adanya kemudahan asas (infrastructure) adalah sama mustahaknya dalam menarik pembangunan perusahaan.

(b) Kerajaan memang sentiasa menggalakkan penubuhan jenis-jenis projek yang akan ditempatkan di negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan. Kerajaan bersedia meluluskan sebarang projek yang menguntungkan (viable) yang telah dicadangkan untuk ditempatkan di Kelantan, terutamanya projek yang berdasarkan pertanian, projek-projek yang banyak menggunakan tenaga buruh serta projek-projek yang berorientasikan ekspot.

MASA BEKERJA

31. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan masa bekerja yang berlainan di kawasan Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya supaya dapat mengelakkan kesesakan lalu-lintas; jika ya, nyatakan bilakah rancangan tersebut dilaksanakan; dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah lagi masa bekerja yang diamalkan sekarang di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya kerana peraturan-peraturan yang ada telah disusun untuk kemudahan bagi sekolah-sekolah yang bermula pada pukul 7.30 pagi, pejabat-pejabat Kerajaan pukul 8.00 pagi dan pejabat-pejabat Swasta pukul 9.00 pagi; waktu-waktu ini adalah sesuai dan praktik.

**MINYAK DI SELAT MELAKA—
MENCARIGALI**

32. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan samada usaha mencarigali minyak telah dibuat di Selat Melaka selepas suatu perjanjian dibuat di antara PETRONAS dari Kerajaan Negeri Melaka pada bulan April tahun ini, jika ya, nyatakan perbelanjaan untuk mencarigali.

Perdana Menteri: Pada masa ini tiada apa-apa usaha yang dijalankan oleh mana-mana syarikat minyak untuk mencarigali minyak di Selat Melaka. Dahulunya kawasan ini telah diberi lesen kepada Syarikat Mobil untuk mencarigali minyak, tetapi syarikat itu tidak berjaya dalam usaha ini dan telahpun menyerah balik kawasan itu kepada PETRONAS. Sekarang PETRONAS sedang mencari syarikat-syarikat lain yang ingin mencarigali di Selat Melaka untuk menjalankan semula usaha mencarigali di kawasan itu.

KEMBOJA/VIETNAM SELATAN— PENGIKTIRAFAN

33. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada, dan bagaimana Malaysia akan menyusun balik dasar-dasarnya selepas ujudnya keadaan-keadaan baru-baru ini di Indo-China.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Malaysia memberi perhatian berat ke atas perkembangan di Indo-China dengan membuat pengiktirafan segera ke atas kerajaan baru di Kemboja dan Vietnam Selatan. Pengiktirafan kita adalah selaras dan bersesuaian dengan dasar berkecuali dan tidak campur tangan kita dalam pertelingkahan di Indo-China. Dalam kenyataan pengiktirafan kita, kita telah menyatakan keinginan untuk mengadakan hubungan kerjasama yang mesra dengan negara-negara ini. Kita juga telah menyatakan kesediaan kita untuk menolong mereka dalam apa juga cara yang kita boleh berkaitan dengan usaha-usaha pembangunan semula negara-negara mereka.

Adalah sentiasa menjadi hasrat Malaysia untuk mengadakan hubungan persahabatan dalam bentuk jiran tetangga yang normal dengan negara-negara Indo-China berdasarkan hidup aman damai bersama (peaceful co-existence) dan tanpa mencampuri dalam hal ehwal dalam negeri satu sama lain, tanpa mengira sistem pemerintahan.

Oleh sebab ini ialah pendirian yang kita telah pegang selama ini soal mengubah dasar itu tidaklah timbul.

NEGARA-NEGARA ARAB DI TELUK PARSI/SAUDI ARABIA—HUBUNGAN

34. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hasil dari lawatan dua minggu yang dibuat oleh beliau ke Negara-negara Teluk Parsi dan Arab Saudi;
- (b) jumlah pinjaman yang beliau sebenarnya telah dapat untuk Malaysia;
- (c) projek-projek yang akan dibayai dari pinjaman-pinjaman ini; dan
- (d) berapa banyak dari projek-projek ini untuk Sarawak dan harganya.

Perdana Menteri: Jawapan kepada soalan tersebut ialah:

- (a) Tujuan lawatan saya ke negara-negara Arab di Teluk Parsi dan juga Saudi Arabia ialah untuk merapatkan hubungan negara kita dengan negara-negara tersebut dalam bidang ekonomi dan teknik. Kerajaan kita telah menandatangani beberapa perjanjian ekonomi dan teknik untuk mencapai matlamat tersebut.
- (b) & (c) Jumlah wang pinjaman yang kita telah dapat perolehi setakat ini adalah lebih kurang \$260 juta, iaitu daripada Kuwait dan Saudi Arabia. Jumlah ini adalah merupakan pinjaman wang ke atas projek-projek tertentu, iaitu "projek loan" dalam sektor awam. Projek-projeknya termasuklah projek-projek rancangan pembangunan tanah, pelajaran dan juga projek infrastructure.
- (d) Rundingan sedang dijalankan sekarang dengan pihak Abu Dhabi Fund untuk mendapat bantuan kepada beberapa projek pembangunan di Sarawak, termasuk rancangan tanah, perusahaan simin dan juga perusahaan kayu-kayan. Setakat ini jumlah bantuan yang akan dapat diperolehi belum dapat ditentukan lagi.

KEMBOJA/VIETNAM SELATAN— MEMASUKI ASEAN

35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada Malaysia sebagai salah suatu anggota ASEAN bersetuju untuk menawarkan menjadi ahli pertubuhan itu kepada Vietnam Selatan dan Khmer; dan
- (b) untung ruginya percantuman itu dari segi pertubuhan tersebut dan juga Malaysia sendiri.

Tun Haji Abdul Razak:

(a) Pendirian Malaysia ialah meskipun mereka berlainan ideologi dan sistem sosial, Kemboja dan Vietnam Selatan seperti juga lain-lain negara Semenanjung Indo-China boleh memainkan peranan yang membina dan berguna di dalam ASEAN. Walau bagaimanapun,

berhubung dengan kemasukan mereka ke dalam peatubuhan serantau, ini ber-gantung kepada keputusan Kerajaan-kerajaan di Indo-China sendiri dan juga dengan perbincangan dan persetujuan ASEAN berhubung dengan perkara ini. Bagi Malaysia, pintu adalah sentiasa terbuka bagi negara-negara ini memasuki ASEAN dan kita mengalu-alukan sebarang usaha mereka ke arah ini.

- (b) Tanpa memandang secara halus kepada bermanfaat atau tidak bermanfaatnya kemasukan negara-negara Indo-China ke dalam ASEAN, adalah memadai dengan mengatakan bahawa penyertaan di kalangan negara-negara di rantau ini dalam usaha-usaha kerjasama serantau bukan sahaja akan mengujudkan persefahaman yang lebih tetapi juga akan menambahkan hubungan rapat dan erat antara mereka sesuai bagi pencapaian matlamat kita untuk melahirkan satu community negara-negara di Asia Tenggara yang hidup dalam aman, bebas dan berkecuali tanpa diganggu oleh kuasa-kuasa besar.

HOSPITAL BESAR MELAKA— KEROSAKAN AUTOCLAVE

36. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada prinsip tanggungjawab persendirian Menteri kepada Parlimen yang seorang Menteri mesti menerima sebagai tanggungjawabnya untuk tindakan kakitangan Kerajaan dalam Kementerian beliau dan mesti menanggung akibat-akibat perlombagaan atas apa yang telah dilakukan oleh beliau sendiri ataupun Jabatan beliau dipakai di Malaysia, dan sekiranya ya, nyatakan bagaimana prinsip ini dikenakan pada tanggungjawab persendirian Menteri Kesihatan bersabit dengan kematian mangsa keracunan yang diakibatkan oleh kerosakan autoclave Hospital Besar Melaka dalam bulan Julai dan Ogos, 1973; dan

- (b) memandangkan kepada pendapat Koroner Melaka pada 8hb Mei, 1975, bahawa kakitangan umum Hospital Besar Melaka telah kecuaian kerana menyebabkan kematian seorang yang bernama Vaithilingam s/o Kuppusamy, 35 tahun pada 11hb Ogos, 1973 adalah

salah seorang mangsa kematian-kematian autoclave tersebut, Kerajaan, akan dengan berbesar hati membuat pembayaran ex-gratia kepada saudara-mara mereka yang telah mati dalam keadaan-keadaan yang menyedihkan ini.

Perdana Menteri: Di negara kita, perhubungan di antara eksekutif dan legislature adalah tertakluk (governed) oleh perbekalan-perbekalan (provisions) yang terkandung dalam Perlombagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, di bawah prosidur yang telah ditentukan oleh Parlimen, ada perbekalan bagi soalan-soalan ditanyakan kepada seseorang Menteri atas perkara-perkara dalam tugastugas rasminya. Apabila berlaku kejadian-kejadian yang tidak diingini di Kementerian/Jabatan dan lain-lain Badan di bawah jagaannya yang dibangkitkan di Parlimen, maka seseorang Menteri itu bolehlah mengarahkan supaya siasatan yang rapi dijalankan untuk memastikan apa yang sebenarnya berlaku. Setelah d.pasti bahawa ada pegawai-pegawai yang didapati bersalah ataupun lain-lain pihak, maka tindakan tatatertib seterusnya diambil samada mengikut Perintah Am atau pun mengikut proses Undang-undang, di mana berkenaan.

Dalam perkara ini, soal perletakan jawatan oleh seseorang Menteri adalah timbul sekiranya beliau sendiri didapati terlibat dalam "scandal" yang besar.

Berkenaan dengan bahagian (b) soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa "inquest" yang dijalankan oleh Coroner tidak ada apa-apa kaitan dengan soalan tanggungan awam (civil liability).

MINYAK TANAH—KEKURANGAN

37. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan kekurangan minyak tanah dan minyak diesel yang sengaja diada-adakan di negara kita oleh setengah-setengah golongan orang yang tidak bertanggungjawab. Jika sedar, adakah beliau apa-apa rancangan selain daripada mengambil beberapa langkah lain supaya PETRONAS mengambil alih tanggungjawab berkaitan dengan minyak di negara ini sebagaimana dengan LPN mengambil alih masaalah mengenai beras untuk mengelak berlakunya lagi kekurangan pada masa akan datang.

Perdana Menteri: Memang kerajaan sedar bahawa beberapa aduan telah diterima oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengenai kekurangan minyak tanah di se-tengah-setengah tempat terutama sekali di kawasan pendalaman di mana masaalah pengangkutan adalah sukar dan juga di se-tengah-setengah kawasan bandar. Kekurangan ini berlaku bukanlah semata-mata kerana sengaja dibuat oleh penjual-penjual minyak tanah dan diesel tetapi ada beberapa faktor yang lain seperti kesulitan pengangkutan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidaklah menapikan bahawa ada perbuatan-perbuatan jahat yang sengaja dibuat oleh penjual-penjual minyak untuk mengambil keuntungan yang lebih banyak.

Berkenaan dengan tanggungjawab berkaitan dengan minyak di negara ini, memanglah hasrat Kerajaan hendak mengawasi bekalan minyak di negara ini dan dengan tujuan inilah maka pindaan telah dibuat kepada Akta Kemajuan Petroliam, 1974 dalam sidang Parlimen yang lepas. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, pindaan itu memberi hak yang mutlak kepada PETRONAS untuk menjalankan perniagaan pasaran atau pengedaran petroliam dan benda-benda keluaran kimia-petrol. Orang-orang lain hanya boleh menjalankan perniagaan sedemikian dengan kebenaran saya. PETRONAS sekarang sedang mengatur cara-cara untuk mengambil alih perniagaan ini dan ini akan mengambil masa yang lama sedikit kerana pengambilan alih ini adalah dicadangkan beransur-ansur supaya tidak menganggu pasaran dan pengedaran yang ada sekarang.

KEMBOJA/VIETNAM SELATAN— PIENIKTIRAFAN DIPLOMATIK

38. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada Kejatuhan Republik Khmer dan Vietnam Selatan ke tangan pihak Kominis akan merupakan suatu ancaman kepada keamanan dan keseleamtan dalam Malaysia dan negara-negara ASEAN.
- (b) samada Kerajaan Malaysia akan mengiktiraf Kerajaan-kerajaan baru Vietnam Selatan dan Kemboja; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang mengadakan hubungan diplomatik dengan kedua-dua Kerajaan baru Vietnam Selatan dan Kemboja itu.

Tun Haji Abdul Razak:

- (a) Lahirnya Kerajaan Kominis di Kemboja dan Vietnam Selatan tidak bererti timbulnya satu ugutan terhadap Malaysia dan lain-lain negara di Asia Tenggara. Seperti yang telah saya menyatakan baru-baru ini berkenaan dengan perkara itu, perkembangan di Indo-China hendaklah diperhatikan secara positif bukan secara negatif, dengan kepercayaan penuh bahawa keutuhan susunan politik dan sosial kita sendiri akan membolehkan kita menghadapi sebarang ancaman dari luar, baik dari Kominis ataupun lain-lain. Sesungguhnya, sebagaimana saya nyatakan dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang lalu di Kuala Lumpur, tamatnya perang di Indo-China memberi harapan baru untuk keamanan dan kestabilan yang kekal di Asia Tenggara di mana negara-negara di rantau ini berkemampuan membentuk untuk mereka sendiri dan oleh mereka sendiri satu rantau yang aman, bebas dan berkecuali, bebas dari gangguan dari luar.
- (b) Malaysia telah memberi pengiktirafan diplomatik kepada kedua-dua kerajaan baru di Kemboja dan Vietnam Selatan dalam bulan April dan Mei tahun ini.
- (c) Berhubung dengan penubuhan hubungan diplomatik secara rasmi dengan negara-negara ini adalah menjadi keinginan kita untuk melakukannya secepat mungkin, dan ini bergantunglah kepada keinginan negara-negara ini untuk berbuat demikian.

PILIHANRAYA NEGERI/PARLIMEN DI SABAH SERENTAK

39. Tuan Stephen Robert Evans minta Perdana Menteri menyatakan samada Pilihanraya kawasan Negeri dan Parlimen yang akan datang di Sabah dapat diadakan serentak dan pada tarikh pilhanraya yang sama dengan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Jika ya, bilakah dasar ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah mengetahui pilihanraya umum serentak bagi semua negeri melainkan Sabah telah dijalankan oleh Suruhanjaya

Pilihanraya dalam pilihanraya yang telah lalu. Pilihanraya umum serentak tidak dapat dilakukan di Sabah sebab Kerajaan Sabah tidak membubarkan Dewan Undangan Negerinya bagaimana dibuat oleh negeri-negeri lain berikutan dengan pembubaran Dewan Rakyat. Kuasa membubarkan Dewan Undangan Negeri terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing bukannya Kerajaan Persekutuan.

MENCARIGALI DI DASAR LAUT

40. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan yang dicapai setakat ini dalam usaha mencarigali dan melombong petrolium di seluruh dasar laut Malaysia;
- (b) nama Syarikat-syarikat (luar negeri dan dalam negeri) yang telah diberi kebenaran oleh Kerajaan untuk menjalankan usaha mencarigali melombong petrolium hingga sekarang;
- (c) nama Syarikat-syarikat yang telah menarik diri atau membayangkan hendak menarik diri dari usaha tersebut selepas kuatkuasa Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan), 1975, dan alasan-alasannya;
- (d) langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah penarikan diri ini; dan
- (e) kemungkinan penyertaan dari lain-lain syarikat.

Perdana Menteri:

- (a) Mengikut maklumat yang diterima dari Syarikat-syarikat mencarigali yang mencarigali di dasar laut Malaysia, kemajuan yang dicapai adalah menggalakan. Sebagaimana tuan-tuan telah maklum, di dasar laut Sarawak, Syarikat Shell sudahpun mengeluarkan minyak lebih kurang 82,000 tong sehari. Exxon juga mengeluarkan minyak sebanyak lebih kurang 4,000 tong sehari di Sabah.

Shell telah juga menjumpai minyak di dasar laut Sabah tetapi usaha-usaha di sana belum lagi sampai ke peringkat pengeluaran.

Lain-lain syarikat yang telah menjumpai minyak atau gas asli tetapi belum sampai ke peringkat pengeluaran ialah:

Exxon—di dasar laut Trengganu
Continental Oil Co.—di dasar laut Pahang
Shell—di dasar laut Sabah.

(b) Syarikat-syarikat yang telah dibenar mencarigali atau mengeluarkan minyak ialah:

1. Sarawak Shell Berhad.
2. Exxon Production Malaysia Inc.
3. Sabah Shell Berhad.
4. Continental Oil Co.
5. Oceanic Exploration and Development Corp.
6. Mobil Malaysia Exploration Co.
7. Sabah Teiseki Oil Co. Sdn. Bhd.

Kebenaran yang diberi ialah kebenaran sementara sebelum perjanjian yang tetap ditandatangani di antara PETRONAS dengan Syarikat minyak yang berkenaan.

(c) Syarikat Mobil telah menarik diri dari kawasan yang diberi kepadanya (di Selat Melaka) oleh sebab usaha mencari minyak di kawasan itu tidak berjaya.

Exxon telah berhenti buat sementara aktiviti-aktiviti mencarigali di luar pantai Trengganu tetapi belum lagi meninggalkan tempat itu. Setakat yang kita ketahui aktiviti-aktiviti mencarigali di Trengganu telah diberhentikan buat sementara oleh sebab Exxon menunggu penyelesaian berkenaan perjanjian perkongsian.

Untuk pengetahuan, Syarikat ini masih menjalankan usaha mengeluarkan minyak di Sabah.

(d) Pada masa ini ada 33 Syarikat lain yang memohon hendak mencarigali di Malaysia. PETRONAS akan membahagikan mana-mana kawasan yang ditinggalkan atau dikembalikan oleh mana-mana syarikat, kepada syarikat-syarikat yang suka hendak mencarigali mengikut cara-cara yang akan ditetapkan oleh PETRONAS.

(e) Ada kemungkinan Syarikat lain selain daripada yang disebut di atas menyertai aktiviti-aktiviti mencarigali.

KEMBOJA/VIETNAM SELATAN/ LAOS—PENGIKTIRAFAN DIPLOMATIK

41. **Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kemajuan yang telah dicapai setakat ini berhubung dengan perhubungan diplomatik kita dengan Kerajaan-kerajaan baru Vietnam Selatan, Kemboja dan Laos; dan
- (b) (i) bilangan orang-orang pelarian dari Vietnam Selatan, Kemboja dan Laos (jika ada) yang mendapat perlindungan dari Kerajaan Malaysia setakat ini; dan
- (ii) siapakah yang bertanggungjawab bagi menanggung sara hidup mereka semasa berada di Negara ini; dan sekiranya Kerajaan, nyatakan beberapa banyak perbelanjaan harian bagi seseorang pelarian itu.

Tun Haji Abdul Razak:

(a) Malaysia telah membuat pengiktirafan Diplomatik ke atas Kerajaan di Kemboja pada 18hb April, 1975, dan Vietnam Selatan pada 2hb Mei, 1975 selepas mereka memegang kuasa di ibu kota kedua-dua negara tersebut. Walau bagaimanapun, setakat ini, selain daripada beberapa hubungan tidak rasmi dengan mereka, tidak ada perjanjian di buat mengenai pertukaran wakil diplomatik dengan mereka.

Mengenai Laos, kita mempunyai hubungan persahabatan yang erat dengan negara tersebut semenjak beberapa tahun yang lalu dan mempunyai sebuah kedutaan di Vientiane.

(b) (i) Bilangan pelarian yang ada sekarang ini di Malaysia ialah 339 orang dari Kemboja dan 988 orang dari Vietnam Selatan. Tidak ada seorang pelarian pun dari Laos.

(ii) Orang-orang pelarian itu telah diberi perlindungan sementara di Malaysia sebelum ketetapan dibuat mengenai tempat kediaman baru mereka. Sebahagian dari mereka telah menyatakan hasrat untuk mendapatkan asylum di negara-negara lain. Semenara itu semasa mereka berada di Malaysia, Kerajaan dengan pertolongan pertubuhan-pertubuhan sukarela dan berdasarkan perasaan

perikemanusiaan telah dan akan menjaga mereka, sehingga mereka dapat ditempatkan di negara-negara lain ataupun dikembalikan ke negara-negara asal mereka. Berhubung dengan perbelanjaan harian yang ditanggung oleh kita bagi tiap-tiap orang pelarian tersebut tidak ada perangkaan yang tepat dibuat setakat ini, tetapi saya fikir perbelanjaan ini adalah dalam lingkungan beberapa ringgit sehari sahaja.

PELABURAN NEGARA ARAB DI MALAYSIA

42. **Tuan Ting Ling Kiew** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil-hasil segera dari lawatan beliau baru-baru ini ke negara-negara Arab terutama berkaitan dengan pelaburan-pelaburan negara Arab di Malaysia.

Perdana Menteri: Bersabit dengan lawatan saya ke negara-negara Arab, suatu rombongan perdagangan daripada Tabung bagi Pembangunan Ekonomi Arab, Kuwait telah datang ke Malaysia dengan tujuan untuk meneliti keperluan pinjaman bagi projek-projek pembangunan di Malaysia terutamanya dalam bidang rancangan-rancangan kelapa sawit yang dikendalikan oleh FELDA.

Di samping itu, suatu taklimat berkenaan dengan kemungkinan pelaburan modal dari pada negara-negara Arab telahpun disediakan oleh pihak FIDA. 15 buah projek-projek yang berasaskan pertanian dan “resource-based projects” di Malaysia telahpun dicamkan (identified) untuk digalakkan secara usaha bersama dengan pelabur-pelabur Arab. Projek-projek ini serta dengan adanya peluang-peluang pelaburan di Malaysia, telahpun disibarkan dengan meluasnya di negara-negara Arab.

Baru-baru ini suatu rombongan daripada Tabung Pembangunan Ekonomi Abu Dhabi telah membuat lawatan ke Sarawak dan telah bersetuju untuk melabur modal dalam projek simen dan juga projek pembangunan tanah bagi memajukan perusahaan kelapa sawit di Sarawak. Jumlah pelaburan yang dijangka adalah sebanyak \$17 juta iaitu dari aspek pinjaman dan penyertaan ikuti. Adalah juga diharapkan bahawa bagi tahun-tahun yang akan datang pelabur-pelabur Arab akan

memilih negara yang mempunyai kemungkinan yang baik untuk pelaburan projek-projek perusahaan mereka.

TABUNG ASEAN (ASEAN FUND)— SUMBANGAN MALAYSIA

43. Datuk Haji Shafie bin Abdullah bertanya kepada Menteri Luar Negeri, wujudnya badan ASEAN untuk menjamin kestabilan, keamanan dan kesejahteraan di antara negara-negara di Asia yang mana Malaysia sendiri mempelupuri penubuhannya, berapakah perbelanjaan yang disumbangkan oleh Kerajaan Malaysia sendiri sejak dari awal penubuhannya hingga hari ini dan nyatakan kejayaan-kejayaan besar dan kecil dalam bidang perkembangan dan kemajuan ASEAN ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tujuan ASEAN ialah untuk melaksanakan kerjasama yang rapat di antara ahli negara-negara ASEAN dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan, yang seterusnya akan membawa keamanan dan kemakmuran keseluruh rantau Asia Tenggara. Sejak dari awal penubuhan ASEAN hingga hari ini Kerajaan Malaysia sendiri telah membuat sumbangan sebanyak M\$3 juta terhadap Tabung ASEAN (ASEAN Fund). Sumbangan ini adalah dibuat mengikut persetujuan di antara negara-negara ASEAN supaya mengadakan satu Tabung ASEAN untuk membiayai segala projek-projek untuk faedah bersama negara-negara ASEAN. Mengikut persetujuan itu tiap-tiap negara ASEAN pada awalnya dikehendaki membuat sumbangan yang samarata sebanyak US\$1 juta bagi tiap-tiap negara ahli terhadap Tabung tersebut. Sumbangan bagi tiap-tiap ahli negara ASEAN ini mungkin ditambahkan jika didapat perlu.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat seterusnya sukcita saya menyatakan iaitu beberapa kejayaan telah dapat kita lihat dalam bidang perkembangan dan kemajuan ASEAN, terutama dari segi kerjasama serantau. Di dalam rangka kerjasama di antara negara-negara ASEAN ini, setakat ini sebanyak 11 jawatankuasa-jawatankuasa tetap dan beberapa jawatankuasa-jawatankuasa kerja telah ditubuhkan untuk mengkaji dan melaksanakan bagi faedah bersama beberapa projek-projek meliputi bidang sains dan teknologi, sebaran am (mass media), pelancungan, kebudayaan dan sosial, pertanian, perkапalan, perdagangan, pengangkutan dan perhubungan.

ASEAN juga sedang menganjurkan kerjasama ekonomi dengan pertubuhan dan negara-negara lain. Terhadap pertubuhan EEC, negara-negara ASEAN telah dapat mencapai persetujuan yang memberi faedah bersama mengenai kemasukan barang-barang eksport dari negara-negara ASEAN ke pasaran negara-negara EEC. ASEAN sedang meneruskan dialognya dengan pertubuhan EEC ini untuk mencapai kerjasamanya dalam bidang-bidang yang lain seperti teknologi, permodalan bersama dan menstabilkan harga barang-barang mentah.

Kerjasama dalam bidang ekonomi sedang dijalankan dengan negara Australia dalam mana negara tersebut akan membantu negara-negara ASEAN dalam beberapa projek dalam lapangan pertanian dan ternakan. Kerjasama sedang dijalankan juga dengan negara Netherlands dalam segi pelancungan. Kerjasama seterusnya sedang dipelupuri dengan negara-negara New Zealand dan Canada. Terhadap negara Jepun pula, ASEAN telah mendapat persetujuannya akan bekerjasama dengan negara-negara ASEAN dalam bidang perkembangan getah asli.

Kerjasama-kerjasama yang dicapai oleh ASEAN dengan negara-negara tersebut adalah menggambarkan bahawa pertubuhan ASEAN telah mendapat sambutan dan penghormatan sebagai satu pertubuhan kerjasama serantau yang aktif di Asia Tenggara ini.

ASEAN—KERJASAMA/FAEDAH

44. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan garis-garis besar faedah yang diperolehi oleh Malaysia setelah wujudnya pakatan ASEAN yang mana Malaysia sendiri telah memain peranan penting dalam penubuhannya.

Tun Haji Abdul Razak: Faedah-faedah bersama kepada negara-negara ASEAN, iaitu termasuk jugalah faedah kepada negara kita, dari hasil kerjasama di antara negara-negara ASEAN dan kerjasama di antara ASEAN dengan negara-negara yang di luar ASEAN dalam beberapa rancangan dan projek telah-pun saya nyatakan tadi. Selain dari itu faedah penting yang seterusnya diperolehi oleh Malaysia melalui pertubuhan ASEAN ini ialah dengan adanya pertubuhan serantau ini, dalam mana negara-negara ahlinya telah mengeratkan pertalian antara satu sama lain

dan memupuk semangat dan keinginan bertindak bersama, satu suasana kestabilan telah diwujudkan bukan sahaja di antara negara-negara ASEAN sahaja, bahkan suasana kestabilan ini mungkin meliputi seluruh kawasan Asia Tenggara. Dengan adanya keadaan ini negara kita, dan juga tiap-tiap negara ASEAN yang lain akan dapat menumpukan tenaganya dengan penuh terhadap pembangunan negara masing-masing. Dengan tujuan untuk memperkuuhkan lagi suasana ketenteraman ini dan bagi menjamin keamanan Kawasan Asia Tenggara di masa hadapan Malaysia sendiri sedang mengambil peranan utama untuk melaksanakan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, Freedom and Neutrality) bagi Kawasan Asia Tenggara.

UNDANG-UNDANG MENGHUKUM BERSEKEDUDUKAN (COHABITATION)

45. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang mengadakan undang-undang yang terpakai di Wilayah Persekutuan untuk menjadi kesalahan dan menghukum jika sabit kesalahan kepada kedua-dua belah pihak yang bersekedudukan secara haram, iaitu di antara seorang Islam dan bukan Islam; dan
- (b) jika ya, adakah beliau bercadang mengaturkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dasar yang sama dipakaikan juga dalam semua negeri dalam Malaysia.

Perdana Menteri: Jawapan (a) dan (b) ialah:

Sememangnya Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang yang boleh menghukum mereka yang bersekedudukan (cohabitation) secara haram antara seorang Islam dan bukan Islam di bawah Penal Code, dan sekiranya diluluskan perkara ini adalah untuk menyeluruh ke seluruh negara.

RASUAH—LANGKAH HAPUSKAN

46. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa dengan berlakunya kejadian rasuah di negeri ini rakyat umum berasa kurang senang; dan

(b) apakah langkah yang akan diambil untuk menghapuskan rasuah dengan lebih berkesan dan segera.

Perdana Menteri: Kerajaan memang sedar bahawa dengan berlakunya kejadian rasuah di negeri ini, maka rakyat umum berasa kurang senang. Bagaimanapun saya suka mengakui bahawa Kerajaan memang memberi perhatian yang berat atas keadaan ini dan berazam mengurangkan, seberapa daya yang boleh, amalan-amalan rasuah yang berlaku di negeri ini. Di samping itu, usaha-usaha Kerajaan semata-mata tidak mencukupi untuk mencegah amalan rasuah dan penyeitan secara aktif oleh rakyat dan lain-lain pihak, termasuk Ahli-ahli Parlimen sendiri, sangatlah diperlukan. Mereka-mereka ini hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan dengan melapurkan kepada Biro Siasatan Negara dengan memberi butir-butir yang specific tentang kejadian-kejadian rasuah supaya siasatan yang lengkap dan pendawaan yang berjaya dapat dilakukan oleh Biro tersebut.

Berkenaan dengan bahagian (b) soalan Ahli Yang Berhormat itu, segala langkah-langkah yang perlu telahpun diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan rasuah dengan lebih berkesan dan segera sesuai dengan sistem Undang-undang yang diamalkan dalam negara ini.

BADAN KHAS BUKAN BUMIPUTRA

47. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah pertubuhan seperti MARA untuk orang-orang miskin bukan bumiputra supaya dapat menolong mereka mendapat pendidikan tinggi serta meninggikan taraf kehidupan mereka, jika ya, bila rancangan tersebut akan dilaksanakan; dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu tentu sedar, soalan ini telah beberapa kali timbul dan dijawab dalam Parlimen pada masa-masa yang lampau. Sebagai jawapan, saya hanya suka mengatakan sekali lagi yang Kerajaan tidak berasa perlu untuk mengadakan badan-badan bagi kehendak-kehendak orang-orang bukan bumiputra. Tujuan kita dalam Dasar Ekonomi Baru tentang membasmikan kemiskinan diarah kepada semua kaum dan rakyat Malaysia. Saya berpuas hati iaitu objektif ini

sedang dilaksanakan seperti yang dimaksudkan dan dengan demikian, tidaklah perlu untuk mengadakan satu badan hanya untuk kepentingan sebahagian daripada rakyat Malaysia sahaja.

SAMUN-MENYAMUN SENJATA

48. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang bertambahnya kebimbangan orang ramai terhadap bertambahnya kejadian samun-menyamun bersenjata dan nyatakan mengapa begitu mudah untuk perompak-perompak dan anggota-anggota kongsi gelap mendapatkan senjata-senjata kecil walaupun wujudnya undang-undang untuk melesenkan senjata-senjata.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya. Kerajaan sedar akan kebimbangan orang ramai, bahkan Kerajaan juga bimbang dengan bertambahnya kejadian samun-menyamun senjata ini. Di atas kesedaran ini Kerajaan sudahpun dan akan terus mengambil langkah-langkah yang ketat bagi membentera kejadian ini. Kerajaan sudahpun meminda dan meluluskan beberapa Akta di mana peruntukan hukuman berat diadakan di atas kesalahan samun dengan menggunakan senjatapi dan kesalahan memiliki senjatapi secara haram. Kerajaan akan membentangkan satu Rang Undang-undang di Dewan ini yang membolehkan Yang di-Pertua Mahkamah Session untuk mendengar kes-kes samun dengan bersenjata ini, yang selama ini hanya boleh dibuat di Mahkamah Tinggi sahaja. Saya harap Yang Berhormat akan tampil kemuka memberi sokongan penuh akan Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya tidaklah mudah bagi anggota-anggota kongsi gelap mendapatkan senjatapi kecil tetapi penjenayah-penjenayah ini penuh azam untuk mendapat milikinya secara haram walaupun mereka sedar hukuman berat jika mereka ditangkap. Segala ejensi Kerajaan terutamanya pihak Polis, sentiasa mengawasi akan keadaan ini. Untuk makluman Yang Berhormat itu daripada tahun 1970—1974 sebanyak 607 pucuk senjatapi haram telah dirampas. Pada tahun ini sahaja—sehingga Mei yang lepas ini sebanyak 117 pucuk senjatapi haram telah dirampas. Sekarang ini tindakan-tindakan tegas sedang diambil dan akan terus dijalankan sehingga dapat dihapus sama sekali

perbuatan terkutuk ini. Tindakan-tindakan ini sudah tentu tidak berjaya jika rakyat dan juga Yang Berhormat tidak bekerjasama dengan Kerajaan. Tindakan ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan sahaja tetapi adalah tanggungjawab semua rakyat juga.

VIETNAM UTARA/SELATAN/KEMBOJA/LAOS—PELAWA MEMASUKI ASEAN

49. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada usaha-usaha telah pun dimulakan untuk mengundang negara-negara Indo-China yang terdiri dari Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Kemboja dan Laos menyertai ASEAN sebagai ahli penyertaan.

Tuan Haji Abdul Razak: Sepanjang pengetahuan saya, setakat ini tidak ada sebarang langkah untuk mempelawa negara-negara di Indo-China iaitu Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Kemboja dan Laos untuk memasuki ASEAN.

VIETNAM UTARA/SELATAN/ KEMBOJA/LAOS—HUBUNGAN DIPLOMATIK

50. Dr Chen Man Hin minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan yang sebenarnya mengenai penubuhan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan-kerajaan Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Kemboja dan Laos.

Tun Haji Abdul Razak: Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara semenjak March 1973 dan dalam sedikit masa lagi satu perwakilan akan ditubuhkan di Hanoi.

Berhubung dengan Laos kita mempunyai hubungan persahabatan yang rapat dengan negara tersebut semenjak beberapa tahun yang lalu dan mempunyai sebuah kedutaan di Vientiane.

Berhubung dengan Kemboja dan Vietnam Selatan, Malaysia telah memberi pengiktirafan diplomatik kepada Kerajaan-kerajaan baru di sana dalam bulan April dan Mei tahun ini. Penubuhan hubungan diplomatik yang rasmi dengan mereka bergantunglah kepada penerimaan mereka kepada pengiktirafan kita.

GURU BESAR/PENOLONG KANAN SEKOLAH MENENGAH—GAJI

51. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan dapat menyelesaikan gaji guru-guru besar Sekolah Menengah Atas dan Menengah Rendah, memandangkan gaji guru-guru sekolah rendah sudah lama diselesaikan oleh Kerajaan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Satu run-dingan telah diadakan di antara Kementerian Pelajaran dengan Kesatuan-kesatuan Guru pada 26hb Jun, 1975 untuk menyelesaikan sekim gaji bagi Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah Menengah. Dalam run-dingan itu Kesatuan-kesatuan Guru telah diberitahu mengenai cara perlaksanaan sekim tersebut. Pihak Kesatuan telah meminta tempoh selama sebulan untuk mengkajinya. Adalah diharapkan sekim ini akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

52. Tuan K. Pathmanaban bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian:

- (i) sebab-sebab kekurangan minyak diesel dari masa ke semasa stesyen-stesyen pam minyak seluruh Semenanjung Malaysia.
- (ii) tindakan yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan tersebut; dan
- (iii) samada Syarikat-syarikat Minyak Antarabangsa menghadapi kerugian penjualan minyak diesel.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:

- (i) Harga yang ditetapkan untuk pengguna-pengguna industri adalah berbeza daripada harga yang dikenakan kepada pengguna-pengguna biasa seperti teksi, bas sekolah dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan jualan yang lebih kepada industari dan dengan ini menjadi berkurangan bekalan di stesyen-stesyen minyak yang diintarkan kepada pengguna-pengguna biasa.

Kekurangan juga berlaku kerana masalah-masalah pengangkutan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat minyak untuk menghantar ke stesyen-stesyen

minyak terutama sekali di kawasan pendalaman dan masalah pengedaran yang lewat dan tidak "regular" oleh syarikat-syarikat minyak.

Bertambahnya permintaan minyak diesel kerana keperluan-keperluan yang kian meningkat.

Amalan-amalan oleh stesyen-stesyen minyak yang tidak bertanggungjawab menunjukkan tanda "SOLD OUT" di stesyen-stesyen mereka walaupun mereka masih ada bekalan minyak.

- (ii) Kementerian saya telah mengambil tindakan atas pengurus 3 buah stesyen minyak yang didapati mempamirkan tanda "SOLD OUT" kerana masih ada bekalan diesel di stesyen mereka.

Mesyuarat telah juga diadakan dengan Syarikat-syarikat Minyak dan Wakil-wakil Stesyen Minyak untuk mengadakan bekalan-bekalan minyak yang cukup.

Kementerian saya telah juga mengambil tindakan untuk melesenkan semua pengilangan dan penjualan minyak petrol dan diesel di seluruh Malaysia supaya pengedaran dapat diawasi dengan lebih rapi lagi.

- (iii) Dukacita saya tidak dapat memberi jawapan kepada soalan ini kerana Kementerian saya tidak menyimpan rekod-rekod samada Syarikat-syarikat Minyak Antarabangsa menghadapi kerugian penjualan minyak diesel.

ORDINAN PENDAFTARAN BERANAK DAN MATI, SABAH

53. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) Pendaftaran Beranak dan Mati yang diluluskan dalam Mesyuarat Kedua Parlimen Keempat masih belum disampaikan kuatkuasanya ke Sabah;
- (b) samada beliau sedar bahawa banyak rakyat Sabah yang mempunyai surat Beranak tak bernama; dan
- (c) langkah-langkah wajar yang patut diambil untuk membolehkan rakyat Sabah tersebut memasukkan nama-nama mereka sebelum Rang Undang-undang (Pindaan) Pendaftaran Beranak dan Mati disampaikan kuatkuasanya ke Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Ordinan itu tidak boleh disampaikan kuat-kuasanya ke Sabah oleh kerana pindaan yang berkenaan adalah dibuat ke atas Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati 1957 yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia sahaja.
- (b) dan (c) Ya, tetapi kemasukan nama-nama mereka itu tidak dapat dibuat sehingga Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati, Sabah dipinda dengan se-wajarnya dan rundingan sedang dibuat dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk meminda Ordinan tersebut.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli dari Kepong ada menulis surat pada pagi ini bahawa beliau hendak membuat satu permohonan untuk menangguhkan Dewan ini membincangkan satu perkara yang amat penting dan mustahak bagi orang ramai dan patut disegerakan. Ahli Yang Berhormat dijemput membuat permohonan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk menangguhkan Peraturan Dewan Rakyat atau Standing Orders supaya kita oleh membincangkan suatu perkara yang tepat, sangat perlu (urgent) dan mustahak kepada umum (public importance) iaitu pemberhentian (walk-out) oleh pekerja-pekerja Syarikat Selangor Bas Sendirian Berhad.

Izinkan saya dengan seberapa ringkasnya menjelaskan perkara ini ialah tepat, sangat perlu dan mustahak kepada umum supaya Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil keputusan terhadap perkara ini.

Perkara ini tepat oleh sebab 62 buah bas telah berhenti berjalan dan lebih daripada 200 pekerja-pekerjanya telahpun berhenti bekerja.

Perkara ini sangat perlu oleh sebab beribu-ribu penumpang tidak dapat pengangkutan pada masa sekarang dari Kuala Lumpur ke Kepong.

Perkara ini sangat mustahak kepada umum oleh sebab beribu-ribu penduduk-penduduk di Jinjang, Kepong dan di sekelilingnya masanya terganggu oleh sebab bas tersebut tidak berjalan.

Saya telah memberi tiga alasan kepada Tuan Yang di-Pertua tentang permohonan saya dan saya berharap permohonan saya dipertimbangkan dan tindakan yang sewajarnya diambil oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di sini saya suka menyatakan iaitu seperti yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat dengar sebentar tadi dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong, beliau telah meminta izin di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua, sebelum membenarkan permintaan itu hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang hendak dibincangkan itu mestilah memenuhi tiga syarat yang tepat.

Pertama, perkara itu perkara tertentu.

Kedua, perkara itu berkenaan kepentingan orang ramai.

Ketiga, perkara itu berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dengan sepenuhnya dan saya berpendapat seperti berikut:

Pertama, saya bersetuju perkara itu perkara tertentu.

Kedua, saya juga bersetuju perkara itu kepentingan orang ramai, tetapi saya tidak bersetuju perkara itu berkehendak disegerakan kerana faham saya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sebagaimana yang telah diberitahu kepada saya telah mengambil tindakan yang sewajarnya dan satu perjumpaan untuk menyelesaikan masaalah ini telah diuruskan di antara Persatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan dengan pihak pengurusan dan perjumpaan itu sedang berjalan sekarang ini. Oleh kerana itu, saya menolak permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu dan tidak memberi izin kepadanya untuk menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBENDAHARAAN (TEMPATAN)
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG DISATUKAN
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1973; 1974
DAN 1975)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1973; 1974 dan 1975 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KASTAM (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MATAWANG MALAYSIA (RINGGIT)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menukar nama yunit matawang Malaysia dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan), 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENGSETABILAN HARGA GETAH**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penyelesaian, perlaksanaan dan pengawalan aktiviti-aktiviti yang perlu bagi penstabilan harga getah dan bagi maksud-maksud ini menubuhkan suatu majlis penasihat dan untuk membolehkan suatu stok getah diadakan dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERSATUAN PALANG MERAH
MALAYSIA (PERTUKARAN NAMA)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama dan lambang Persatuan Palang Merah Malaysia, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebajikan Am; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

MERAKAMKAN PERASAAN DUKACITA ATAS KEMATIAN ALLAHYARHAM Y.B. TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN ZAINAB DAN KELUARGANYA

3.42 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan usul:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman, Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang dahulu dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Zainab dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 26hb Jun, 1975 kita telah menerima berita yang sedih tentang kematian Allahyarham Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman iaitu akibat dari satu kemalangan jalanraya di Telok Anson. Kehilangan Allahyarham bukan sahaja satu kehilangan kepada keluarga dan sahabat handainya bahkan juga kepada negara.

Allahyarham telah dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan ini pada 25hb November, 1964, dan adalah scorang yang pertama menjadi Tuan Yang di-Pertua setelah Dewan ini meluluskan peraturan memilih seorang Speaker yang bukan Ahli Dewan. Allahyarham telah memegang jawatan tersebut hampir genap 10 tahun iaitu dalam tempoh Parlimen Kedua hingga ke Parlimen Ketiga dibubarkan kira-kira sembilan bulan yang lalu pada 31hb Julai, 1974. Ini adalah satu tempoh perkhidmatan yang lama dalam sejarah Parlimen Malaysia.

Ketika meluluskan usul merakamkan ucapan terima kasih kepada Allahyarham di atas perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini, seluruh anggota Dewan yang mulia ini dari semua parti pada 6hb November, 1974 telah sepakat di atas kebijaksanaan Allahyarham menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama. Ahli-ahli Yang Berhormat

terutamanya yang menjadi Ahli-ahli Parlimen Kedua dan Ketiga telah memberi penghargaan dan penghormatan di atas cara Allahyarham mengendalikan sidang Dewan Rakyat, mententeramkan suasana hangat yang kerap kali timbul serta peristiwa-peristiwa lucu yang menggegarkan Dewan ini. Segala ini tetap akan menjadi kenangan kita untuk selama-lamanya.

Semasa hayatnya, selain daripada menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Allahyarham telah memegang beberapa jawatan penting dalam Kerajaan yang meliputi beberapa bidang dan telah berkhidmat dengan setia dan jujur. Di antara jawatan yang pernah dipegangnya ialah sebagai Ahli Malis Hal Ehwal Ugama dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perak, Ahli Lembaga Bandaran Kinta, Ahli Lembaga Perumahan Persekutuan dan juga Ahli Lembaga Pemilihan Negeri Perak. Allahyarham pernah menjadi Ahli Majlis Negeri Perak dan Ahli Dewan Undangan Federal semasa sebelum merdeka. Sumbangan dan jasa bakti Allahyarham yang tidak ternilai akan sentiasa dikenang dan dicatat dalam sejarah Negara.

Bagi diri saya, kehilangan Allahyarham ini adalah bermakna kehilangan seorang sahabat lama dan karib dan seorang rakan seperjuangan yang sama-sama berjuang ketika menuntut kemerdekaan tanahair dahulu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mendcadangkan Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kehilangan Allahyarham Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Zainab dan juga kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan cadangan ini.

3.57 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bersetuju penuh atas sentimen-sentimen yang telah dikeluarkannya. Allahyarham Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheik Abdul Rahman adalah seorang Speaker yang adil dan dicintai oleh semua Ahli-ahli Dewan Parlimen ini. Di bawah pengawasan belia Dewan ini bukan sahaja tugas-tugas dijalankan dengan secara serious bahkan keadaan

persahabatan ataupun friendly atmosphere dapat diadakan—maintained. Ini adalah satu quality yang jarang didapati. Pendek kata, Pak Chik yang dicintai “the grand old man” dalam Dewan ini akan diingati oleh semua Ahli dalam Dewan ini selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.59 ptg.

Tuan Edmung Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Usul ini yang merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf, bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Zainab dan keluarganya.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I have known the late Tan Sri C.M. Yusuf ever since I became a Member of this House way back in 1964. His dedication, sincerity and the importance which he placed on his office need no elaboration. His ability in maintaining the proper decorum and dignity of the House and in conducting the proceedings of the House even in its most trying times is illustrative of the eminent qualities which he possessed.

His selfless dedication and exemplary service to the nation will be treasured and remembered by us. On behalf of the Opposition, I convey my heartfelt condolences to Toh Puan Zainab and members of her family.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, bagi rakan-rakan saya dari pihak DAP saya bangun menyokong sepenuhnya usul merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman, bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Bagi kita yang menjadi Ahli Parlimen dalam Penggal Ketiga, kita mengetahui Allahyarham Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf selama 5 tahun. Sungguhpun saya sekali-sekala tidak ada pandangan yang sama dengan Allahyarham, kita di pihak DAP dengan sepenuh hati menyertai usul ini untuk menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Zainab dan keluarganya.

4.01 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuh-penuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya tidak mahu mengulang semua sentimen-sentimen yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi saya sendiri berasa sedih apabila mendengar berita Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf telah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini saya mohon izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, to me the late Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman beneath his stern exterior when he wore the wig in this House harboured a kindly heart, a heart that bore no malice towards anybody and he was, as far as I am concerned, a good Speaker. At times he could be irascible, at times he could be abrupt, but most times he used to enlighten the House with his repartees.

I remember him as a person not beneath the wig that he wore in this House but as the person in the intimate moments and little chats that I and my former colleagues in this House used to have with him in the coffee rooms in his office behind this Chamber or in his office on the other side where we used to have intimate conversations.

I was really shocked when I read of his death because only three days before his death I had met him. My wife and I were going up the stairs in Cathay Theatre and there, lo and behold, sitting around a table were the late Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman, his wife and his daughter. They were waiting to go to the show and we sat down and we had a good chat. He then was a picture of health, he was happy, free perhaps from the cares of office of this House and I had hoped that he would really live to enjoy the retirement that he so richly deserved. But what man proposes God disposes and now he has returned to God. On behalf of Pekemas, I wish to convey our sincere condolences to Toh Puan Zainab and the family of the late Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman, Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang dahulu dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Zainab dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya arahkan supaya satu salinan usul ini serta juga salinan daripada ucapan-ucapan yang telah dilafaskan dalam Dewan ini diutuskan atau dipersampaikan kepada Toh Puan Zainab.

Mesyuarat ditempohkan sekarang selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.05 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.35 petang.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat)

AKTA (SARAAN AHLI-AHLI) PARLIMEN, 1960

Pindaan kepada Jadual Akta

4.36 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa mengikut peruntukan Seksyen 4 kepada Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen 1960, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa pindaan yang berikut ini dibuat kepada Jadual Akta tersebut:

“Selepas sahaja butiran 4 di dalamnya tambah butiran 4A yang berikut:

“4A. *Motor Car Loans:* Members shall be entitled to a Government car loan at amount and rates to be fixed by the Government from time to time”.

Tuan Yang di-Pertua, saya pinda 4A itu dengan ditambah perkataan “amount and” yang pada mulanya “rates” sahaja dan ditambah “amount and rates”.

Adapun tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk membuat pindaan kepada Jadual Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960 bagi menambah satu butiran baharu bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen diberi pinjaman bagi membeli kenderaan sebagaimana yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga sekarang Dewan-dewan Undangan Negeri telahpun memberi pinjaman kepada Ahli-ahlinya. Pindaan kepada Akta ini boleh dilakukan melalui usul Dewan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Seksyen 4 kepada Akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan kenderaan adalah sangat mustahak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk melawat kawasan masing-masing dan juga untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Parlimen dan lain-lain. Bukanlah semua Ahli-ahl Yang Berhormat ini orang yang kaya atau mampu untuk membeli motorkar, tetapi dengan lulusnya usul ini maka bolehlah mana-mana Ahli yang suka hendak meminjam, bolehlah membuat permohonan sebagaimana yang tersebut, jika sekiranya usul ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mendangangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.39 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap sepatuh dua kata atas usul di hadapan Dewan ini. Daripada ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, beliau berkata bahawa sebab usul ini dikemukakan ialah oleh kerana untuk memberikan kemudahan-kemudahan dari segi transportation kepada Ahli-ahli Parlimen dalam menjalankan tugas mereka. Saya rasa sangat tidak puas hati bahawa kita ada piecemeal approach kepada soal-soal kemudahan atau problem-problem Ahli-ahli Parlimen dalam menjalankan tugas-tugas mereka dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh banyak-kan berucap dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya berikan izin sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I feel that the piecemeal approach to this matter of facilities for Members of Parliament is most unsatisfactory. In the last session there was a Bill pertaining to this and here today we have a Motion. The problem of Members of Parliament being able to discharge their duties more diligently and more effectively needs to be seen and looked into from an overall point of view instead of the present piecemeal approach—for instance, the question as to the priority of problems of facilities that should be accorded and provided to Members of Parliament so that they can be efficient and effective spokesmen of the people. One problem that comes to mind is the question of research facilities to Members of Parliament to be able to equip themselves with more information and data as to be able to speak more intelligently with regard to the problems of the country. This problem, to my mind, definitely overshadows problems like car loans. There is also the problem of giving Members of Parliament adequate time to debate and discuss issues tabled in this House.

For instance, this morning when I came to Parliament House to try to find out, as a diligent Member of Parliament, the business of the day, I was unable to get Statute Paper No. 26/75 which is going to be the fourth Motion of the day; and even at 11.30 a.m. when I came to Parliament, I was informed that this Paper had still not reached Parliament—not only this Statute Paper No. 26/75 but also Statute Paper No. 56/75 which is going to be Motion No. 16. How are we, as Members of Parliament, expected to debate and discuss intelligently Statute Papers like Statute Paper No. 26 of 1975 which we only received when we came here in the afternoon? In this connection, since the Honourable Minister of Finance is here, I do hope that he will be able to agree to defer, for instance, Motions like Statute Paper No. 26/75 on E.P.F. and Statute Paper No. 56/75 (Motion No. 16) to the next day so that at least we have 24 hours' time to look into the matter and refer to other data and do background research instead of being confronted with such things. This is here where I say that the whole question of facilities for Members of Parliament should be looked into from all angles and all aspects. The question of priorities and the question of urgencies can then be laid down—if we want to have Members of

Parliament who can come to this House, have their minds made up at least as to what is right and what is correct and what is proper, and not Members of Parliament who do not know what is happening, need not know what is happening and just so long as the Motion is introduced to nod their heads and let the Motion go through. I do not think that this is the type of House of Parliament that Malaysia deserves or what the people of Malaysia want.

Therefore, I hope and I commend to the responsible authority that the whole question of better facilities need to be considered and basically more courtesy be accorded to Members of Parliament to be able to contribute to the deliberations of this House. Thank you very much.

4.43 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sepatah dua dalam Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara berkenaan Motor Car Loans. Dan di samping ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, soal Motor Car Loans ini tidak mustahak kerana kalau kita pandang semua Ahli-ahli Parlimen, saya percaya, sudah ada kereta, tetapi ada kemudahan-kemudahan yang perlu, seperti yang disebutkan oleh wakil dari Kota Melaka, yang dikehendaki oleh Wakil Rakyat tetapi tidak ada sekarang.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I, like the Member for Kota Melaka, wish to make a plea with the Government that it must have its priorities right and the question of a car loan should have rated a very low priority. What is very important is that the Government should provide enough facilities for the Members of Parliament to look up for various references that are so very necessary for their work. We now have a Ketua Pembangkang, an Opposition Leader, and he too needs facilities for research. But these are, to say the least, minimum, if not absent. This is most regrettable because if we are to be of use not only in this House itself in making sensible suggestions to the Government, in being of use not only to this House but to our electorate and to the country, then we must have facilities, for example, in the

library. Now, unless we have such facilities, unless we have people to whom we can tell, "I want this document or I want that document" and within a short time they can give us such documents, then we can't really do our work properly.

Now I wish to join with the Member for Kota Melaka and I believe in the Barisan Nasional's pre-Council Meeting yesterday there were also lots of voices raised against this delay in sending the Order Paper to the Members. I believe 99.9% of the Members saw the Order Paper tabled before them only when they walked into this House. How on earth can we usefully contribute to the debates in this House if we see the Order Paper for the first time when we walk into this House? We may need to look up some important documents in connection with this heap of Motions but we have not even read them. I remember that in the April sitting of this House I protested against a Bill—I think it was the Tourist Corporation (Amendment) Bill—which was laid in this House at 3.00 o'clock and at 4.00 o'clock it was debated. The Minister, of course, could speak intelligently on it because he had his speech written out for him and he had been briefed by his Ministry officials, but we on this side of the House had not even read that document and having said that I walked out of the House to show my protest against what the Government was doing.

Now, I do hope that the Government will not force us all to walk out of this House time and again because we just have not been given adequate time. I would make a plea to the Government that instead of piddling things like car loans they should give us adequate time and they should send us the Papers well in advance so that we can read and study them. The Government surely does not want us to come to this House and talk nonsense. If the reporters report all that we say, we will look like fools to the public and this is not our fault because the Government has not given us enough time to think deeply about the matters that are to be debated and, more important still, consult people who are knowledgeable on lots of these subjects. I must confess, Mr Speaker, Sir, that as a general practitioner, I am not knowledgeable in all the matters that are brought up to this House, but I can tap the brains of various people who have the skills and the knowledge.

Now, it looks to me that the Government does not want us to make useful contributions to the debates in this House.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat memadai menegur di atas kelewatan itu, sebab terkeluar daripada apa yang ada di hadapan kita sekarang berkenaan dengan perkara yang hendak dipinda ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menutup ucapan saya dengan berseru kepada Kerajaan, Motor Car Loans ini pada pendapat saya tidak perlu dan tidak mustahak, tetapi apa yang mustahak ialah kemudahan-kemudahan yang sesuai bukan untuk wakil daripada pihak Pembangkang, tetapi semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

4.50 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as far as this Amending Motion is concerned, I agree with some of the Members that this House has got the priorities wrong. I do not see any reason why we should have a motor car loan and I do not think there is a Member of Parliament here without a car. I think, among other things, what is more important to Members of Parliament is to enable each Member of Parliament to have a good secretary who should be paid by the Government. I think with the increase of work and the change of constituency boundaries, the workload of a Member of Parliament has increased, and I think what the Government should do, when we sit again the next time, is to consider what I have just said, that is, to amend the necessary Statute to provide each Member of Parliament with a secretary who should be paid a decent salary. Although most of us have somebody to work for us, but if we want somebody who is really efficient and good, then he must be someone who should be sufficiently paid. I think this is a matter which the Government must look into.

As far as we in the D.A.P. are concerned, we have no intention of coming into this House just to sit and listen to people proposing and opposing and making suggestions, but we do our work in the best way we can. That is our job. But where the facilities are inadequate, I suppose we are unable to carry out our work effectively.

So I urge the Minister concerned to consider what I have just said and I hope that the next time when we come here, we shall be able to get an amendment to some Statutes that will give the Members of Parliament better facilities, one of which is, of course, the provision of a good secretary to be paid by the Government because we are at the service of the people and we are not serving ourselves.

4.57 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita diberi satu pertunjukan bagaimana pihak Pembangkang berfikir, kerjanya semata-mata membangkang, segala apa sahaja yang dikemukakan kepada Dewan ini terus dibangkang.

Pada mesyuarat yang lepas sewaktu diadakan Usul untuk menambahkan pembayaran elaun kepada Ahli-ahli Parlimen, mereka juga yang membangkang. Apa yang mereka kata pada hari ini, kalau saya tidak salah, semuanya dicedok apa yang saya kata pada waktu itu; mereka sekarang mengambil peluang pada hari ini mengulang balik percakapan kami pada waktu itu, bukan sahaja kami memerlukan elaun yang lebih, kami memerlukan secretary, kami memerlukan itu dan ini. Kami memerlukan research, bukan untuk kami sahaja tetapi untuk semua. Tetapi pada waktu itu mereka membangkang, mereka berkata elaunnya terlalu banyak, tidak patut ditambah, kerana hendak megelirukan orang ramai dan menunjukkan bahawa parti mereka lah yang mempertahankan orang ramai tidak mahu wang, tetapi apabila wang sudah diberi, sakunya dibuka besar-besar; mereka yang masuk, mereka yang dapat, mereka yang makan dahulu sebelum kami makan. Pada hari ini mereka cari peluang mengatakan tidak perlu kereta, bererti mereka tidak betul. Tetapi apabila dapat, mereka juga yang dahulu, mereka juga barangkali boleh

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kepada Wakil dari Kepala Batas.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya tidak dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan atas ucapan Yang Berhormatkah?

Dr Tan Chee Khoon: Ucapan beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Yang Berhormat boleh menjelaskan ucapan Yang Berhormat sendiri; bagaimana hendak dijelaskan ucapan yang dia buat. Yang Berhormat sendiri boleh menjelaskan, kalau dia salah faham.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak memeritahu kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta seorang duduk dahulu, kalau seorang Ahli lain berdiri.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya tidak benarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberi jalan untuk menjelaskan.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Kalau bukan on a point of order, saya tidak izinkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin hendak bercakap dalam bahasa Inggeris, kerana lebih tepat apa yang hendak dicakapkan.

(Dengan izin) What I feel, Tuan Yang di-Pertua, is that they are once again exhibiting the hypocrisy that is characteristic of the Opposition Bench. If we are asked today to decide on priorities, I am sure we know that there are more important things. But the question is not the question of priority; the question is the implementation of a popular request that has been made by Members of this House.

The amendment that is being sought under this Resolution is simply to meet this one particular request—no more, no less. It is wrong to raise the question of priorities. If the Opposition Members think that the Papers should be delivered earlier, we agree with them, we from the Government Benches entirely agree with them, and as the Honourable Member for Kepong—he is, of course, all the time eavesdropping and spying on our activities—said at our pre-Council meeting yesterday voices were raised. Yes, we too raised voices because we believe in democracy as much as he believes in democracy. We want the Papers as early as he wants the Papers. But we also understand and we have been given an assurance, we

have been told the reasons why—there are problems of translation, problems of preparation, etc.—we accept this in good faith. We also hope that the Government authorities will do their best in future to get the Papers in time for the benefit both of the Government side as well as of the Opposition side.

We have also been given an assurance that in future perhaps more time will be given to the process of first reading—*gazetting*—and discussion of important Papers. This is most welcome and we would like to place on record, as far as the Backbenchers of the Government Benches are concerned, our appreciation to the Honourable Prime Minister and the Government for the understanding, for responding to the request of Members of the Backbenches who have raised this matter even before Opposition Members voiced it—let us put it correct—they have no monopoly of the desire to have the things right. We too feel like them, but we do not make political capital out of this, and I think this is an important point. I feel that various requests that have been put forward by the Opposition today, just now, are nothing new; the Government Backbenchers, even the Government Front Benchers have, to my knowledge, expressed this quietly as well as openly in the past, and I am sure we can all pursue this. There is a House Committee and I hope that if we have any requests we can put forward these various requests for its consideration. But I think the issue before this House at the moment is that we do support the Motion, that this amendment be made so as to enable the Government to implement a request properly made by all sides of the House that since even State Assemblies have allowed their Members to get car loans we should also do so.

I say this may not be of benefit to the rich Members of the Opposition leadership who all have got cars, on their own admission, but for the Representatives of the rural people, the Representatives of the Barisan Nasional who come from the rank of the people, who may find the buying of a car something of a problem, this will come as a great help. We want to place on record our appreciation and understanding of the Government's attitude and we will give unstinted, unreserved support to this Motion.

4.58 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang telah menolong menjawab kebanyakan daripada teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kepong dan Kinta.

Sebenarnya, Usul ini cuma memberi hak bagi seseorang Wakil Rakyat untuk meminjam bukan mesti mereka itu meminjam. Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Kota Melaka menyatakan kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh dikatakan semuanya, telah mempunyai kenderaan atau motokar. Betul semuanya ada membawa motokar tetapi kita tidak tahu samada motokar mereka, motokar pinjam atau motokar berhutang daripada finance companies dengan membayar bunga 10-12%. Dengan adanya kemudahan yang seperti ini yang kelak kita akan luluskan, maka dapatlah mereka yang tidak mampu yang tidak dapat membayar dengan tunai, kalau mereka hendak meminjam daripada Kerajaan dengan bayaran mengikut rate sekarang ini, sebagaimana kakitangan Kerajaan adalah dikenakan 4%. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kepong dan Kinta dan lain-lain tidak hendak meminjam, tidak mengapa. Ini bukan naik elau apabila ditandatangani mesti diterima.

Yang kedua, teguran berkenaan dengan kelewatan mendapat kertas-kertas atau risalat-risalat ini sememangnya Kerajaan sedar mengenai problem ini atau masaalah ini bawah sekarang sedang berunding dengan pihak berkuasa di Dewan ini juga bagaimana caranya dapat kita memberi kemudahan dan kesenangan supaya lekas sedikit Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Menteri-menteri dapat kertas-kertas yang kita terima pada hari ini. Saya sendiri pun dapat kertas bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga.

Satu daripada cadangan yang saya telah cadangkan dan Kerajaan telah bersetuju iaitu pada masa yang akan datang semua Bil yang dibawa ke Parlimen ini hendaklah dibawa first reading sahaja supaya Bil itu dapat Ahli Yang Berhormat membacanya dan barulah dibawa pada bacaan yang kedua dan ketiga, melainkan Bil itu sangat-sangat mustahak patut kita jalankan dengan bacaan kali pertama, kedua dan ketiga dalam masa mesyuarat itu. Ini akan kita bawa pada masa akan

datang. Misalnya, saya akan bawa ke Dewan bagi bacaan kali pertama (first reading), esok atau lusa akan keluar dalam Orders of the Day, dua Bil lagi iaitu Bil berkenaan dengan Nikah Cerai dan Kahwin dan Bil berkenaan Criminal Procedure Code bagi bacaan kali pertama sahaja supaya Bil-bil itu akan diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana Bil itu tebal dan panjang, dapat dua tiga bulan masa membaca dan bulan Disember kelak boleh kita bahaskan iaitu perkara ini senanglah kita dan juga Kerajaan sedar dan sedang berunding dengan pihak berkuasa di Dewan akan menjalankan teguran itu.

Berkenaan dengan facilities for research, kita ada khutubkhanah (library) di sini dan semua buku-buku ada. Kalau sesiapa Ahli Yang Berhormat hendak meminjam boleh meminjam daripada situ dan perkara-perkara statistik dan lain-lain dan juga kertas-kertas, buku seperti ini semua diberi dan ada, tetapi tidak bermakna Kerajaan mesti menyediakan satu Setiausaha atau Secretary khas yang digaji oleh Kerajaan pada tiap-tiap seorang membuat facilities for research supaya Ahli Yang Berhormat itu dapat berucap lebih mendalam dalam Dewan ini, sebab itulah ditambahkan eluan Ahli-ahli Yang Berhormat dahulu daripada \$1,000 kepada \$1,500 tetapi yang saya tahu kebanyakannya Ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan telah pun menggunakan sebahagian wang itu mengadakan wakil dan orang-orang lain untuk menolong dia dalam kawasannya untuk menjalankan tugas-tugas Ahli Yang Berhormat yang sangat sebok itu. Kalau pihak Ahli Yang Berhormat yang tiga orang yang bercakap tadi berkehendakkan facilities for research boleh gunakan daripada wang yang \$1,500 itu, digunakan bagi Setiausaha-setiausaha kalau hendak membuat research yang lebih mendalam supaya senang mereka itu menuju atau menekan Kerajaan di sebelah sini. Terpulang kepada mereka itu.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jawabkan ucapan-ucapan tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bawha mengikut peruntukan Seksyen 4 kepada Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960, Dewan ini mengambil ketetapan

bawha pindaan yang berikut ini dibuat kepada Jadual Akta tersebut:

“Selepas sahaja butiran 4 di dalamnya tambah butiran 4A yang berikut:

‘4A. Motor Car Loans: Members shall be entitled to a Government car loan at amount and rates to be fixed by the Government from time to time.’”

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN PENGERUSI

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bawha Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bawha dengan kematian bekas Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Encik Walter Loh Poh Khan pada 23hb April, tahun ini, adalah didapati perlu untuk melantik seorang Pengerusi baru. Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat No. 77 memerlukan seorang Pengerusi Jawatankuasa itu dilantik oleh Dewan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop adalah seorang Ahli yang terkenal di Dewan ini dan sudah menjadi ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Dalam mencadangkan perlantikan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini, saya yakin bawha beliau akan menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan Dewan ini terutamanya kerana pengetahuan dan pengalamannya yang luas yang telah beliau perolehi dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai pegawai kanan dan diplomat dan sekarang pengalamannya yang luas dalam bidang perniagaan dan politik akan beliau gunakan kepada jawatan yang penting itu.

Sukacita saya mengambil kesempatan di sini dan juga bagi pihak Dewan ini, untuk merakamkan ke dalam rekod terima kasih kami kepada Encik Walter Loh Poh Khan kerana perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberikannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Beliau telah menjalankan tugas-tugasnya dengan penuh minat dan dedikasi dan selalu memikirkan kepentingan

negeri ini. Kematian beliau yang mengejut adalah satu kehilangan yang sukar diganti bukan sahaja kepada keluarga dan kawan-kawannya bahkan kepada Jawatankuasa tersebut, Dewan ini dan juga kepada negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.06 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul perlantikan Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Kita semua sedia maklum bahawa Jawatankuasa ini walaupun tidak berapa popular ataupun dikenali oleh orang ramai tetapi adalah sebuah Jawatankuasa yang amat penting, dan apa yang kita harapkan bahawa-sanya Jawatankuasa yang akan dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop mengenai Kira-kira Wang Negara ini akan dapat memberi kesedaran dan tekanan yang sesuai terhadap tugas-tugas yang tertentu supaya keadaan wang negara kita terpelihara.

Saya juga bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyokong di atas tugas-tugas yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat mendiang Walter Loh dirakamkan dan berharap kepada Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop akan dapat menyambung semula menjalankan tugas-tugas yang mulia, walaupun pada ketikanya tidak popular di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Saya juga berharap pada pihak Pegawai-pegawai Kerajaan akan memberi kerjasama yang ikhlas kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini supaya dapat berjalan dengan sempurna.

5.08 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membuat dua point sahaja. Yang pertama, yang biasa dalam amalan Parlimen di lain-lain negara, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dipegang oleh seorang wakil daripada Oposisi (Pembangkang). Oleh kerana peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ialah sebagai satu watch-dog atas public fund dan

sekiranya tujuannya untuk menentukan bahawa semua cara yang seboleh-bolehnya diambil untuk mencegah salahguna (abuse) wang atau lain-lain mengenai perbelanjaan wang negara, seorang daripada Oposisi lebih sesuai daripada seorang daripada parti pemerintah. Itulah satu prinsip yang dijalankan di negara yang ada mengamalkan Parlimen. Akan tetapi malangnya di negara kita, di tanahair kita sehingga Parlimen ditubuhkan selepas kemerdekaan tahun 1957 amalan ini tidak diterima dan saya tidak tahu sebab-sebab selain daripada kemungkinan bahawa Kerajaan atau parti pemerintah tidak mahu seorang daripada Oposisi memegang jawatan ini yang boleh dengan sedalam-dalamnya memeriksa semua perbelanjaan wang negara.

Point yang kedua, ialah yang saya tahu Lapuran-lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tidak diberi tempat yang patut. Lapuran-lapuran daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara sungguhpun ada dibentangkan di dalam Dewan ini tetapi tidak dibahaskan dan dibincangkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Saya rasa itu satu kelebihan yang mesti diatasi oleh kerana Jawatankuasa ini adalah satu Jawatankuasa yang dilantik oleh Parlimen dan pihak Kerajaan mestilah set aside masa untuk membahaskan Lapuran-lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Jika sekiranya tidak menjadi satu praktis Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dibahaskan, maka Jawatankuasa itu langsung tidak ada apa-apa perkaitan dengan Dewan Rakyat ini. Dan saya haraplah bahawa Menteri berkenaan boleh memikirkan syor saya bahawa setiap tahun diadakan satu masa untuk kita membahaskan Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini ataupun di masa hadapan Menteri berkenaan akan menimbangkan point yang pertama tadi yang saya kemukakan.

Saya tidak ada apa-apa soalan mengenai kelayakan Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop sebagai Pengerusi. Kita tahu beliau dahulu ada memegang jawatan tinggi dalam perkhidmatan Kerajaan, sekiranya saya tidak silap, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, satu point yang patut kita fikirkan ialah bahawa samada baik Pengerusi yang menjadi watchdog itu seorang yang "unfettered" dengan Government mentality atau seorang yang hidup dalam Governmental thinking. Itulah

sahaja, bukannya saya mempersoalkan kelayakannya atau questioning kelayakan Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz Yeop, tetapi satu soalan in general, in principle sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat dari Padang Rengas tidak ada lagi Government mentality sesudah menjadi Ahli Dewan Rakyat.

5.13 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong cadangan perlantikan Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Apa yang saya tahu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini ialah sebuah Jawatankuasa yang mengawasi kedudukan kewangan negara. Kepada saya tentulah pengerusinya itu hendaklah datang daripada seorang yang betul-betul berkelayakan, yang tahu selok-belok berkenaan dengan kewangan, selok-belok punca kewangan dan bagaimana hendak menggunakan dan mengeluarkan wang. Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop adalah seorang yang saya pandang berkelayakan.

Lagi satu perkara yang saya ingin sebutkan di sini ialah tugas-tugas sebagai Pengurus dalam Jawatankuasa ini banyak berhubung dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkehendakkan tact, kebijaksanaan untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang tepat daripada ketua-ketua jabatan manakala selalu kita bertemu ataupun meminta jawapan-jawapan diberi di atas soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan daripada pihak Jawatankuasa ini. Ada kalanya pihak Ketua-ketua jabatan tidak mahu memberikan kerjasama yang baik dan ini mendatangkan satu kesahan dan kepayahan kepada pihak Jawatankuasa itu untuk membuat lapuran yang sebenarnya kepada pihak Parlimen ini. Tetapi saya percaya dengan adanya Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop yang banyak berkecimpung dalam jabatan Kerajaan akan dapat menggunakan kebijaksanaannya untuk mendapatkan kepercayaan yang lebih daripada pihak ketua-ketua jabatan yang boleh memberi kerjasama yang baik kepada Jawatankuasa ini. Saya percaya juga dengan Jawapan-iawapan yang tepat daripada pihak jabatan Kerajaan itu, mudah-mudahan akan dapat membentulkan lagi perjalanan pihak Kerajaan kita daripada semasa ke semasa.

Satu lagi perkara yang saya suka sebutkan di sini Lapuran-lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini adalah satu lapuran yang patut dilahirkan kepada orang ramai. Dengan kerana itu kita berkehendakkan supaya pengkajian yang lebih mendalam lagi di atas cara-cara penggunaan kewangan dan lain-lain daripada yang boleh kita jalankan dalam Jawatankuasa ini.

Akhirnya, saya minta supaya Lapuran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah lalu ataupun yang akan datang ini supaya pihak Kerajaan akan mengambil perhatian di atas segala komen. Kita tidak mahu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini hanya menjadi sebuah Jawatankuasa penyedia pernyata sahaja, tetapi segala komen, segala nasihat, pendapat dan fikiran daripada Jawatankuasa ini, setelah mengambil masa yang panjang dan mengeluarkan wang yang banyak di atas elauan yang dikeluarkan kepada Jawatankuasa ini, tiba-tiba pernyata-pernyata itu tidak dapat dijalankan oleh pihak Kerajaan. Kita mahu Kerajaan menjalankan ikhtiar untuk memperbaiki keadaan jentera Kerajaan hasil daripada Lapuran-lapuran atau komen yang didatangkan oleh pihak Jawatankuasa ini. Jadi saya percaya Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop sebagai seorang yang telah lama dengan Jabatan Kerajaan, sebagai ketua di masa yang telah lalu dalam Jabatan Kerajaan akan dapat mengatasi segala kepincangan yang telah berlaku dalam perjalanan kira-kira kewangan negara yang telah lalu.

5.18 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab sedikit soalan daripada pihak Pembangkang tadi yang mengatakan di lain-lain negara ada pihak Pembangkang telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Tetapi ingin saya memberitahu Dewan ini bahawa setakat ini, setakat yang kami menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, nampaknya sumbangan daripada pihak Pembangkang ini kalau boleh saya sifatkan sebagai "nil", akan saya sebutkan sebagai "nil". Ertinya, Kalau pun pihak Pembangkang diberi kesempatan untuk menjadi Pengurus Jawatankuasa ini, saya rasa kemampuan pihak Pembangkang itu belum dapat diketahui lagi. Jadi sudah cukuplah bagi kita untuk mengetahui bahawa dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

ini, ada seorang Ketua daripada Parti Pembangkang sendiri tidak dapat mengambil bahagian yang begitu berkesan di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Berkenaan soal yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah masaalah Jawatankuasa ini bersidang di masa-masa yang lalu, saya rasa setakat yang dipengerusikan oleh mendiang Yang Berhormat Tuan Walter Loh Poh Khan, saya dapati bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini merupakan satu Jawatankuasa yang berkesan sekali. Namun begitu, oleh kerana dengan tidak disangka-sangka beliau telah meninggalkan kita semua, saya rasa apa yang dicadangkan oleh pihak Timbalan Menteri Kewangan untuk melantik Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop adalah kena pada tempatnya.

Selain daripada itu saya menyeru pihak Pembangkang yang bersungguh-sungguh sangat hendak menjadi Pengerusi itu supaya mengambil bahagian yang cergas di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara itu sendiri, dan selepas itu kami akan tilik, dan kalau pada satu hari didapati bahawa tugasnya, cara beliau menyoal dan sebagainya itu didapati berkesan, maka mungkin pada satu hari pihak Menteri akan mencadangkannya. Saya rasa buat sementara waktu biarlah pihak Pembangkang sendiri mengambil bahagian yang betul-betul dengan sebaik-baiknya daripada meminta-minta menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara itu.

5.20 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Setapak, Kota Melaka, Baling dan Kuala Krai yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawasanya mengikut pengalamannya dan pengetahuannya bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di lain negeri dipengerusikan oleh seorang ahli dari parti Pembangkang atau Opposisi, saya hendak menjemput Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian sekali lagi, atas Peraturan Majlis Mesyuarat 77 (2) Dewan ini yang menyatakan :

“77. (2) ...Pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis

dan terpulanglah kepada Majlis ini melantik seorang yang dianggapkan sesuai untuk menjadi Pengerusinya.

Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sedar bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ada ahli daripada pihak Pembangkang dan mereka boleh menjadi watch dog juga. Ini bukan saya katakan jikalau seorang Ahli dari Barisan Nasional menjadi Pengerusi dalam Jawatankuasa ini beliau tidak menjalankan tugas-tugasnya dengan objektif dan positif dan dengan sikap objektif oleh kerana jikalau Ahli Yang Berhormat boleh meminta pegawai-pegawai Kerajaan yang dipanggil atau dijemput untuk diperiksa oleh Jawatankuasa ini beliau boleh sedar bahawa pegawai-pegawai Kerajaan selalu ada berasa bimbang dan khuatir bila mereka dipanggil untuk diperiksa oleh Jawatankuasa ini. Ini menunjukkan bahawa Jawatankuasa ini adalah menjalankan tugas-tugasnya dengan sikap objektiviti.

Lagi satu perkara yang telah dibangkitkan ialah berkaitan dengan samada Pengerusi yang akan dilantik ini boleh adakan pandangan yang boleh dikatakan berkesan dengan pengalaman Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop. Kerajaan mencadangkan Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop dilantik oleh kerana beliau adalah tahu tentang procedure Kerajaan dahulu dan dengan pengalaman ini beliau boleh faham dan mengerti lagi apa-apa procedure yang dirancangkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan dan barangkali ada yang tersilap dan menyelweng. Dengan ini saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak meragukan bahawa Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop ini akan menjalankan tugas-tugasnya dengan jujur dan berkesan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

MENARIK BALIK USUL No. 4 DAN No. 16

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa usul No. 4 dan No. 16 yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditarik balik dan akan dikemukakan pada mesyuarat esok, 8hb Julai, 1975.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebab-sebabnya usul ini ditolak?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan tolak, ditarik balik pada hari ini, dan akan dikemukakan semula esok atas permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sendiri.

Tuan Oh Keng Seng: Saya rasa oleh sebab ada kesalahan dalam Kertas Statut ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada bersangkut dengan kesalahan apa-apa. Yang saya faham Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka minta oleh kerana kertas ini lewat sampai pada tangan Ahli, minta diberi masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat supaya boleh semak kertas ini, itulah sebabnya.

Tuan Oh Keng Seng: Lain daripada itu . .

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! (*kepada Tuan Oh Keng Seng*) Saya kemukakan usul ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan.

Bahawa usul No. 4 dan No. 16 yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditarik balik dan akan dikemukakan pada mesyuarat esok, 8hb Julai, 1975.

PERTAMBAHAN EKUITI DALAM BANK BUMIPUTRA

5.26 *ptg.*

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu wang sejumlah \$22,091,460 yang diterima daripada penjualan 19.64% saham-saham Malayan Banking yang dimiliki oleh Menteri Kewangan "Incorporated" diperuntukkan sebagai pelaburan ekuiti di dalam modal dibenar bagi Bank Bumiputra.

Bank Bumiputra telah ditubuhkan pada bulan Oktober, 1965 dengan modal yang dibayar sebanyak \$5 juta; jumlah ini telah

dinaikkan kepada \$10 juta dalam tahun 1970 dan kepada \$16.5 juta dalam tahun 1971. Bank ini dimiliki sepenuhnya oleh "Minister of Finance Incorporated". Dalam bulan Mac 1974 Bank Bumiputra telah memohon supaya modalnya ditambahkan lagi memandangkan kepada jumlah perniagaan yang bertambah tinggi dan juga untuk menepati keperluan-keperluan perkembangan Bank tersebut. Bank Bumiputra telah mengkaji kemungkinan untuk dijadikan sebagai syarikat awam supaya dapat menambahkan modalnya tetapi oleh kerana struktur modalnya yang kecil dan keperluan untuk mengukuhkan keyakinan orang ramai, Bank Bumiputra berpendapat bahawa langkah-langkah seperti ini berlumlah sesuai pada masa ini. Oleh itu Bank Bumiputra mencadangkan supaya pertambahan modal sahamnya dibuat melalui pemindahan saham-saham Kerajaan yang terdapat di dalam Malayan Banking yang berjumlah 49.5% daripada jumlah saham-saham atau 22,336,584 saham, kepada Bank Bumiputra. Untuk membayar jumlah saham-saham ini Bank Bumiputra akan memberikan saham-sahamnya yang bernilai yang sama kepada Kerajaan.

Kerajaan telah menimbang cadangan ini dan bersetuju iaitu 19.64% atau 8,836,584 saham-saham Malayan Banking sahaja dipindahkan kepada Bank Bumiputra. Adalah dipersetujui untuk pemindahan ini supaya nilai saham-saham Malayan Banking ditetapkan pada kadar \$2.50 tiap-tiap satu dan saham-saham Bank Bumiputra dinilai pada kadar "at par" \$1.00. Ini bermakna bahawa bagi tiap-tiap saham Malayan Banking, Bank Bumiputra akan memberi $2\frac{1}{2}$ yunit saham-sahamnya "at par" kepada Kerajaan.

Pemindahan yang dicadangkan ini supaya sebahagian daripada saham-saham Malayan Banking yang dipunyai oleh Kerajaan dipindahkan kepada Bank Bumiputra dan sebaliknya Bank tersebut akan mengeluarkan saham-saham baru kepada Kerajaan kelak tidak akan melibatkan penukaran wang di antara badan-badan yang terlibat. Akibat daripada pemindahan ini, pelaburan Kerajaan di dalam Bank Bumiputra akan bertambah sebanyak \$22,091,460 dan mengikut peraturan kewangan yang ada adalah perlu supaya suatu peruntukan sejumlah ini diluluskan oleh Dewan ini.

Saya suka menegaskan iaitu pertukaran saham-saham ini tidak akan memberi kesan apa jua kepada Malayan Banking oleh kerana struktur modalnya tidak berubah langsung. Pemindahan ini telah diluluskan oleh Kerajaan dengan mengambil perhatian tentang keperluan untuk mengukuhkan kedudukan Bank Bumiputra agar kedua-dua bank itu dapat berterusan memainkan peranan-peranan utama di dalam bidang Kewangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu jumlah sebanyak \$22,091,460 yang diterima daripada penjualan 19.64% saham-saham Malayan Banking yang dimiliki oleh Menteri Kewangan "Incorporated" diperuntukkan sebagai pelaburan ekuiti dalam modal yang dibenar bagi Bank Bumiputra.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1975

5.32 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 42 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan duti impot bagi "surface active agents" dan "surfactants" di bawah Nombor-nombor Kepala Tarif 34.02 100, 34.02 190, 34.02 501, 34.02 502, 34.02 590 (iaitu \$1.70 sepaun) dan 29.03 000 (iaitu \$1.50 sepaun) kepada 0.50 sepaun sahaja. Ini disebabkan penggunaannya yang sangat meluas dalam perusahaan kimia pertanian dan perusahaan kain dan tujuannya sebagai cukai perlindungan yang diberikan itu setakat yang diperlukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 42 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1975

5.35 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 43 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengkelaskan semula Kepala Tarif 82.14 900 supaya "enamel spoons and aluminium articles" dikenakan duti impot 20% sahaja. Pengelasan semula ini adalah untuk mengasingkannya daripada "stainless steel articles" yang mempunyai duti impot 20% atau \$2.00 sepaun, yang mana lebih tinggi, yang merupakan cukai perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan. Oleh kerana "enamel spoons and aluminium articles" adalah merupakan barang yang berat tetapi murah harganya dan digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah, maka duti impot 20% itu tidaklah membebankan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 43 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1975

5.38 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 44 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 44 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1975

5.40 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 45 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk mengadakan Nombor Kepala Tarif baharu, iaitu 82.06 100, bagi "planer blades" tanpa mengekalkan apa-apa duti. Bagaimanapun quota impot sebanyak 50% akan dikenakan ke atas "planer blades" tersebut. Ini adalah satu langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 45 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1975

5.42 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 46 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti impot sebanyak 25% "ad valorem" atau 20 sen tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi, ke atas "sparkling plugs" di bawah Kepala Tarif 85.08 300. Ini adalah satu langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 46 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1975

5.44 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 47 tahun 1975 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1975 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 47 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) No. 7, 1975

5.46 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1975, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 48 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti impot 10% "ad valorem" ke atas "aluminum foils" di bawah Kepala Tarif 76.04 000 yang merupakan cukai perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1975, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 48 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 5) 1975

5.48 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5) 1975, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 49 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini mempunyai dua tujuan, iaitu :

- (i) Sama dengan tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1975, yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dilanjutkan ke Pulau Pinang; dan
- (ii) Melanjutkan pengenaan duti impot 25% "ad valorem" ke atas topi-topi keledar di bawah Nombor-nombor Kepala Tarif 65.06 100 dan 65.06 900 ke Pulau Pinang. Pengenaan duti ini adalah untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Jabatan Kastam berhubung dengan pengenaan duti impot ke atas topi-topi keledar yang dipakai oleh penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal yang berulang-alik dari Pulau Pinang ke Butterworth.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5) 1975, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 49 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 8) 1975

5.50 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan :

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 50 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak \$1,650.00 setan ke atas "motorcycle drive Chains" dan "motorcar timing chains". Pengenaan duti ini merupakan langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 50 tahun 1975 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 6) 1975

5.53 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 51 tahun 1975 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1975, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadaanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 51 tahun 1975 disahkan.

USUL

KERAJAAN GRUNK KEMBOJA/ KERAJAAN REVOLUSIONER VIETNAM SELATAN—DASAR LUAR MALAYSIA

5.55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan satu usul:

Bahawa Dewan ini

- (a) Mengalu-alukan penubuhan Kerajaan Revolusioner Vietnam Selatan dan Kerajaan Grunk Kemboja yang telah menamatkan perang 30 tahun di Indo-China di mana suatu jenerasi kesemua rakyat Indo-China dengan tidak tahu erti keamanan telah hidup dan menghulurkan tangan persahabatan dan muhibbah kepada kedua-dua Kerajaan tersebut;
- (b) Mengambil ketetapan bahawa Malaysia harus mempelajari dari penderitaan-penderitaan rakyat Indo-China dengan memanggil satu Konvensyen Politik Kebangsaan yang akan dihadiri oleh

wakil-wakil semua parti politik dan golongan popular untuk mendemokratikkan segala aspek kehidupan kebangsaan rakyat Malaysia, samada dari aspek politik, ekonomik, kebudayaan ataupun pelajaran dan mengkaji serta merumuskan semula di mana perlu arahan-arahan yang baru di dalam dasar-dasar membina negara dengan meninggalkan dasar-dasar yang memahitkan rakyat jelata, kaum-kaum dan kelas-kelas dan menggunakan dasar-dasar yang akan mengikat rakyat supaya menjadi rakyat yang bersatu-padu di dalam Malaysia yang berbilang bangsa, berbilang kebudayaan, berbilang bahasa dan berbilang ugama.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the victories and the establishment of the Communist Governments in South Vietnam and in Cambodia mark the end of the 30-year old war in Indo-China; and a generation of suffering, of great misery where a generation of the people of Indo-China did not know what was peace, did not know what was harmony, has come to an end. We in Malaysia should join in extending our hand of friendship and in hailing the formation of the two Governments, the Revolutionary Government of South Vietnam and the Government of Cambodia, so that in South-East Asia a new era can begin whereby the people of Indo-China can begin to lay the basis for a more just society and see the end of exploitation of men by men.

We for our part in Malaysia, must learn from the lessons of the sufferings of the people of Indo-China. There is a danger, firstly, of persons to give, to have a military response to the developments in Indo-China. For instance, the Foreign Minister of Indonesia, Tun Adam Malik, in an interview with the *Far Eastern Economic Review*, said that the Asean Foreign Ministers, in their discussion in Kuala Lumpur recently, were concerned about the developments in Indo-China, and one response is that there is a greater emphasis on the military aspects in terms of developing the internal military potential to deal with the internal problems. We are aware that in recent months there has been a spate of increased activities by the Malayan Communist Party.

That is a fact in the Malaysian society which we cannot ignore and which we cannot underestimate. But the problem that we have to face is that how are we going to react and respond to the developments in Indo-China? It will be a grave error on the part of the Government should the Government think that Malaysia cannot be affected by the developments of Indo-China.

We in the D.A.P. do not subscribe to the American domino theory whereby there is an inevitable process that if one country in South-East Asia goes communist, another country adjacent to it will willy-nilly follow suit. The question that is uppermost in the minds of many persons in Malaysia and outside Malaysia, although it is unspoken, undiscussed, is whether Malaysia can become a second Vietnam. I think this is a problem which the Malaysian Government must pay serious heed to. For once the Malaysian Government thinks that these problems can be ignored and does not want to take a more sympathetic and a more realistic appraisal of the basic issues faced by the people, then I think willy-nilly we are laying the seeds of greater internal unhappiness and civil disunity. I would like to underline the basic points wherewith the Malaysian Government should conduct a reappraisal of its policies from the political point of view, from the social economic point of view and from the educational point of view.

I would appeal to the Government not to allow its victory in the recent General elections on August 24th to lull itself into complacency in the belief that it has been able to get complete overwhelming support from the people with regard to the whole range of Government policies. The Government would like the people and the world to believe that in Malaysia there is freedom and democracy. I know by saying this now, I am going to attract a reply that if there is no freedom, if there is no democracy, I would not be allowed in the first place to stand here and have my say. That I think cannot be a satisfactory reply to the problem as to whether there are adequate freedoms and adequate democratic rights in Malaysia. Before South Vietnam fell, there were also elections, there was also the Peoples' Constituent Assembly where the so-called representatives of the people could stand up and have their say. Politically, there

is a need for a reassessment and a reappraisal whereby the political rights of the people must be more meaningfully respected.

There is in Malaysia today lack of freedom of the Press. Without the freedom of the Press, it is impossible for political movements to communicate their points of view and their programmes across to the people. Where there is no freedom of the Press, the people are not fully and freely informed and therefore clearly cannot make an intelligent assessment and choice with regard to alternative policies or alternative programmes. I just need to illustrate how the Press treats, for instance, the D.A.P. When we read about the D.A.P., it is always about some genuine or hoisted developments or disasters or so-called defections or happenings which if the Press, for instance, had taken the trouble to investigate, would have found that it is not true. But when there is a denial it is not reported. But when the D.A.P. leaders, for instance, make contributions, suggestions, proposals about the various aspects of national policies, these things are invariably blacked out.

There is no freedom of assembly. It is most unusual that, after the 1974 General Elections whereby the Government or the Barisan Nasional achieved, according to its own calculations, the most tremendous victory since the formation of the Alliance, public rallies should be banned. Another means of communicating with the public, of presenting to the public, the problems, the alternatives and the programmes are again scrubbed out. I do not wish here to touch on the problem of electoral system of which we had a debate before, which goes to show further the problem of the abridgement of political rights among the people. In fact, it is no exaggeration to say that many Malaysians feel that politically it is best for them not to air their views and it is wiser for them to keep quiet because they are likely to attract the wrath of the ruling party. Economically there is considerable widespread unhappiness. Despite the stated objectives of the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy to eliminate poverty regardless of race, to restructure society, there is no doubt that as presently constituted, the ruling party is more concerned in helping the better-offs to become even more well off, while keeping the poor in continued thraldom. For instance, just to give an instance to show how the poor, how the

down-trodden are neglected despite Government propaganda that they are being assisted, with regard to housing, there is a lot of talk all along and in the last few days of massive Governmental housing projects to help the really needy, to help the poor. But there are few housing projects which have been built by the Government in the various States and when they are built, they do not benefit the really needy regardless of race, whether they are Chinese, Malays or Indians.

In Pulau Sebang in Malacca, for instance, where there were some 50, 60 housing units—and when we talk in terms of housing units, of low cost housing for the people, we are talking in terms not of thousands, tens of thousands, hundreds of thousands which measures up to the scale of the need—but actually in terms of 50, 60, 100, 150 units; when these houses were built, the people who were allocated these on Pulau Sebang are people whose own self-professed monthly income is \$1,200—and this is self-professed income. I have no doubt that this income is more than \$1,200 because it is the practice to try as far as possible to under-report one's income. So, as far as housing which is one of the gravest social needs of the people, there is very little effort. Private housing developers do not cater for the needs of the poor. At present in Malacca for 114 units of terrace houses being built supposedly for lower income groups there are over 6,000 applications. So from the point of housing whereby everyone can be easily housed, Governmental efforts cannot measure up, can hardly scratch the surface of the problem of meeting the overall needs and, secondly, the few that are built do not go to the really genuinely poor but to those who have connections with the Barisan Nasional leaders in the separate States. There is corruption in the allocation of houses—"tea money" has to be paid, greedy palms greased. Land for housing projects are acquired from private owners not to build low-cost housing projects, but to have joint ventures with the private developers to build houses to sell to those of the middle-class, those who can under the present system buy houses from the private developers. So as far as housing is concerned, it is a clear instance that there is a lot of unhappiness among the people which, despite public pronouncements, is not being dealt with in depth.

On the question of land, landlessness is also a very colossal issue. Yesterday while I was in Pahang, I was told of an incident in Lanchang, a very small place, and I am sure the Honourable Members from Pahang would know where it is—where landlessness, just like elsewhere, is a crying need and a crying problem. Last year, sometime in July, probably with the approach of the General Elections suddenly the people were offered land: applications were called for, applications were made, money was transacted, money paid to the Government. The land fee was \$270 in one instance where I saw the receipt, and there were other receipts which I saw, but up to today the land has not been given to the applicants despite the fact that for over a year land fees have been received by the Government. Why? Is this the attitude of a Government which is really concerned about the little men, the small people, who are suffering hardship and poverty?

In my Motion I have asked that a National Political Convention attended by representatives of all political parties and popular groups to democratise all aspects of Malaysian national life, whether politically, economically, culturally or educationally, be convened. I know that there will be Honourable Members of Parliament who will ask why such a role cannot be performed by Parliament which is the supreme legislature. Let us not ignore the fact that in Malaysia there are many political opinions also which are not represented in Parliament and we cannot take the "holier-than-thou" attitude that if these political opinions cannot find themselves elected into this House, then they do not deserve to be given due recognition. What we should try to do at this juncture is to try to unite, try to bring together all strands of views and to give due recognition to the legitimate aspirations of all sections of the people. There is a deep-seated simmering unhappiness, discontent, dissatisfaction among the masses. This is not understood in this Parliamentary Chamber. For instance, the Press has ceased to be a media for a two-way traffic of ideas, of views and of opinions. It has only become a one-way channel—from the Government, from the top down to the bottom—and what the bottom or the masses think is not transmitted above.

On education—since the Education Minister is here I would like to take this opportunity to deal with the problem of

education to which I have also made some reference in the Motion. Educationally, I am sure that Members of Parliament should have some perception of the great unhappiness among parents as to the "dead end" that this educational system has brought many of them to. I understand that some 64,000 holders of the Higher School Certificate have failed to get entries into Malaysia's universities and other higher institutions of learning. What policy has the Government got for these 64,000 young, educated, hard-working students? Has the Government plans to give them other forms of, say, technical training whereby they can become useful citizens, or are they going to be condemned to become the new army of unemployed and unemployable?

There is a problem with regard to the university acceptance of students. I am aware of instances where Malaysian students who have received four distinctions in their Form VI Examination and who have applied for places in the University of Malaya or other Malaysian universities have been rejected, possibly on the ground that they did their H.S.C. not in Malaysia but in Singapore. But at least they are ASEAN scholars and if we do not just pay lip service to the concept of ASEAN but do support the concept of the people in the ASEAN countries developing closer ties and closer relationships, I just cannot understand the reason for such gross discrimination against Malaysian students who did their M.C.E. in Malaysia and who went over to Singapore on ASEAN scholarships to do their Form VI in Singapore, passed their Form VI with distinction, applied for places in the University of Malaya—some of them did not apply for places in the University of Singapore thinking that they could definitely get places in Malaysian universities—and denied places in Malaysia. No explanation however logically based can explain away this. It is such decisions, such measures which, as I have said, serve to embitter the people, serve to embitter races, serve to embitter classes. Was it necessary? Was the denial of admission of these few students worth the price of national unity, in order to bring about in all possible ways a greater integration of the various races?

Of course there is also the larger problem, in general, of the admission of students into the university. We are here to decide which

is of most paramount importance in Malaysia, whether it is national unity, whether it is to bring all races together and instill in them through Governmental measures, through their own experience, one concept of nationhood or to see that step by step, over a period of time, they feel a sense of being cut apart, a sense of being set apart and in this connection, out of these 64,000 students who have been excluded from the portals of Malaysian universities, I would call on the Government, and here the Malaysian Education Minister, to give this matter serious though either to seriously consider the establishment of more universities or more polytechnic institutions to absorb them, or we will have to pay the price of graver bitterness among the people.

The question of Chinese education has been a question which has been in the Malaysian body politic right from the very beginning. Malaysia is a multi-racial country made up of three main races and it is the D.A.P.'s conviction that no national unity can be welded unless all the racial groups, all the people in Malaysia are made to feel a part of Malaysia. Just as nobody says that Governmental efforts, the pumping of hundreds and millions of dollars in various exclusive institutions like the MARA College, Bank Bumiputra in order to uplift Malay poverty—the Government does not say that this is Malay racism—similarly, the question of giving Chinese education, Chinese schools, its deserved place, should not be regarded as a Chinese chauvinistic problem but as a Malaysian problem arising from the multi-racial context and composition of our society.

The Ministerial Committee that has been set up to review the implementation of the educational policies under the Education Minister should give this matter serious consideration. There is a widely-felt anxiety that Chinese primary schools are slowly being phased out and I say that if the Government is really sincere and genuine in its utterances that Government has no intention to convert Chinese primary schools, under Clause 21 (2) of the Education Act, into national primary schools, then there are a few things which it can do and do immediately to allay these very legitimate and well-founded anxieties:

- (1) In view of the fact that Clause 21 (2) was enacted, according to Government Ministers, in order to enable the conversion of English primary schools into

- national primary schools and as this process has been completed, then there is no need for that enabling clause any more. It has become redundant unless it is the intention of the Government to exercise the discretion vested in the hands of the Education Minister to convert Chinese and Tamil primary schools into national primary schools as he deems fit and necessary to do so. The first thing the Government should do, therefore, is to bring an amendment to the Education Act to repeal that enabling power and I do not understand why the Government should feel hesitant or shy to do so if it asserts, and it asserts without end, that it does not intend to exercise that power because then it becomes redundant.
- (2) It should, by its action, show that there is indeed a programme in order to promote, and raise the standard of education of the Chinese primary schools. One big problem presently is the question of the training of the 2,000—odd temporary teachers in the Chinese schools. The question can be easily resolved and it must be urgently resolved in view of the fact of the shortage of teachers in Chinese primary schools by giving them, within a specified period opportunities for them to be trained to become qualified teachers not only to give them security of tenure, permanency of service but even more important, to ensure that in the Chinese primary schools, there are adequate supply of teachers, to ensure that there is a high academic standard that can be maintained and achieved. Unfortunately, in these past few years, the Ministry of Education has taken a very waffish attitude on this matter. If it is the declared objective of the Government to give Chinese primary schools the place they deserved, then this problem should never have arisen to this scale that it has reached.

- (3) There should be a special programme in the Education Ministry to see to it that the students in the Chinese primary schools, and here I wish to state that when I say students of Chinese primary schools I do not mean just Chinese students because there are also Malay students and Indian students in the

Chinese primary schools—to ensure that these students receive the best that the educational system can offer them. There must be a review of the Education Ministry's policy of financially supporting, developing the facilities that are available in the Chinese primary schools as at present. It would appear that for some years, the development of Chinese primary schools have been neglected in terms of facilities, in terms of school equipment and such related matters.

- (4) There is, which I am sure the Minister of Education will confirm, an increasing enrolment in the Chinese primary schools but there is no corresponding increase in the building of Chinese primary schools in order to match this increase in the enrolment of Chinese primary schools.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sampai masa patut dikemukakan Usul ditangguhkan Majlis ini.

Tuan Lim Kit Siang: Sambung esok atau

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh kata esok atau bila tetapi boleh sambung akan datang mengikut susunan dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah, terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

SEKOLAH MENENGAH CHINA PERSENDIRIAN SEBAGAI SEKOLAH KEBANGSAAN

6.30 ptg.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyeru pihak yang berkuasa supaya Sekolah Menengah China Persendirian dimasukkan di dalam Dasar Pelajaran Negara dan diadakan peperiksaan STP/SPM dan SRP dengan menggunakan bahasa China sebagai bahasa pengantar.

Saya hendak menjelaskan di sini maksud saya, iaitu Kerajaan membantu Sekolah Menengah China Persendirian seperti Sekolah Menengah Kebangsaan hendaklah dengan syarat tidak mengubah bahasa pengantar

sekolah-sekolah itu. Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional adalah betul-betul sebuah Kerajaan yang adil, saksama dan berperlembagaan, maka ia pasti menerima cadangan saya.

Setiausaha Parliment kepada Perdana Menteri (Tuan Abdullah bin Majid): Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 hadir)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Dewan tidak ada koram, saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.